



Hujung Minggu

فليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.37 | SUBUH 4.47 | SYURUK 6.07 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.05 | ASAR 3.27 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.14

Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 136

12 NOVEMBER 2022 / 1444H 17 ربى الآخر

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

مانیسش ایمان  
MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA berjayaalah orang yang mensucikan jiwanya.  
Dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya".  
(Surah Ash-Shams, ayat 9 - 10).

## ASEAN PERLU GANDA USAHA MAJUKAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

11 November 2022 | Phnom Penh, Cambodia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama para pemimpin ASEAN lainnya menghadiri Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-40, yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja.

- Foto : Ak. Mohd Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman


Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ak. Mohd Aminol Adi Azraie  
Pg. Haji Nikman

PHNOM PENH, KEMBOJA, Jumaat, 11 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan bahawa ASEAN telah menghasilkan

pelbagai pencapaian dalam mengekalkan keamanan dan kestabilan di rantau ini selama lebih 55 tahun.

Oleh itu, ASEAN perlu menggandakan usahanya untuk memajukan proses pembangunan komuniti. Dengan memanfaatkan pelbagai peluang seperti transformasi digital dan usaha berterusan dalam melaksanakan dan menaiktarafkan



ASEAN  
CAMBODIA 2022

ASEAN A.C.T:  
Addressing Challenges Together

Perjanjian-perjanjian Perdagangan Bebas, daya saing dan kedayatahan ASEAN akan dapat dipertahankan.

>> Muka 2

## Inisiatif mendukung Bandar Pintar

Berita : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 November. - Tiga kertas kerja dibentangkan pada sebelah petang hari kedua seminar bersempena Sambutan Jubli Emas Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang antara lain membincangkan beberapa inisiatif dalam penyediaan infrastruktur, perkembangan teknologi maklumat dan sistem dalam mendukung Bandar Pintar.

>> Muka 13

## Lakukan setiap pekerjaan dengan ikhlas

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

GADONG, Rabu, 9 November. - Kalau pun pekerjaan atau khidmat seseorang dinilai sangat baik atau cemerlang menurut performance appraisal dalam ukuran prestasi kerja namun itu belum sempurna menepati penilaian Allah Subhanahu

Wata'ala jika ia tidak dilakukan dengan ikhlas sesuai dengan keimanannya kepada Allah untuk mengharap akan mendapat reda Allah ke atas.

>> Muka 11

## Tingkatkan usaha serantau wujudkan sinergi lebih kukuh

Siaran Akhbar : Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 November. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menghadiri

Mesyuarat Ministerial Interface Meeting on Sustainable Development Agenda under the ASEAN Economic Community secara dalam talian, pada 9 November 2022.

>> Muka 12

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH  
InfoDeptBN  
  
Facebook: Pelita Brunei | Instagram: pelitabrunei | Twitter: pelitabrunei

## Berita Utama



ISU keselamatan serantau, antarabangsa dibincangkan

Muka 12



MENGHIDUPKAN semula warisan milik negara

Muka 14



RENCANA

HADEEQAH Ar-Rayhaan, taman berbentuk ilmiyyah

Muka 28



# ASEAN perlu ganda usaha majukan pembangunan komuniti



**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**  
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ak. Mohd Aminol**  
**Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

## >> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bertitah demikian semasa berangkat bersama para pemimpin ASEAN lainnya bagi menghadiri Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-40 yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kembuja.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah menyambut baik pelancaran ASEAN Junior Fellowship Programme pada bulan Ogos 2021, kerana program berkenaan dapat melengkapkan para belia ASEAN dengan ilmu pengetahuan mengenai mekanisme dalaman ASEAN dan memupuk hubungan yang baik sesama mereka.

Baginda seterusnya bertitah, ke arah membina masyarakat yang bersepada dan inklusif, baginda menzahirkan sokongan terhadap keahlian Timor-Leste dalam ASEAN serta bagi negara berkenaan untuk menjadi negara pemerhati buat sementara waktu ini, sehingga syarat-syarat keahlian dimuktamadkan nanti.

ASEAN tambah titah baginda,

kini terlibat dalam salah satu usaha penting melalui proses 'post-2025 visioning', dengan Negara Brunei Darussalam mengutamakan ASEAN dengan mempunyai hubungan kejiranan yang mesra dan kukuh serta persahabatan dan kerjasama yang lebih rapat.

Dalam proses berkenaan tegas titah baginda, keseimbangan pragmatisme dan aspirasi adalah diperlukan bagi memastikan ASEAN terus stabil dan progresif dan pada masa yang sama mengekalkan identitinya.

Kebawah DYMM juga bertitah menegaskan bahawa ASEAN perlu mengukuhkan kapasiti institusi dan keberkesanan bagi memastikan ia dapat memanfaatkan nilai strategik serta mengharungi cabaran dan meraih peluang dengan cekap.

Pada mengakhiri titah, Kebawah DYMM menzahirkan penghargaan kepada Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi, yang mengongsikan pencapaian ASEAN untuk sama-sama pulih daripada pandemik COVID-19 melalui pertumbuhan ekonomi yang signifikan di tahap 5.1 peratus; penaiktarafan pelbagai perjanjian perdagangan utama bersama Rakan-rakan Dialog; serta penandatanganan perjanjian ASEAN-European Union (EU) Comprehensive Air

Kemboja sebagai bakal Setiausaha Agung ASEAN yang seterusnya.

Terdahulu sebelum itu, TYT Perdana Menteri Kembuja dalam ucapannya, antara lain menggariskan kepentingan kerjasama ASEAN secara berpadu dalam menangani pelbagai cabaran yang sedia ada dan yang akan muncul nanti.

Ini terang TYT termasuk menekankan semula komitmen Kembuja terhadap pelbagai usaha pembangunan Komuniti ASEAN yang akan menuju ke arah mencapai keamanan, kestabilan, keselamatan dan pembangunan mampu.

Semasa Sesi Plenari berkenaan, para pemimpin mendengarkan laporan daripada Setiausaha Agung ASEAN, TYT Dato Paduka Lim Jock Hoi, yang mengongsikan pencapaian ASEAN untuk sama-sama pulih daripada pandemik COVID-19 melalui pertumbuhan ekonomi yang signifikan di tahap 5.1 peratus; penaiktarafan pelbagai perjanjian perdagangan utama bersama Rakan-rakan Dialog; serta penandatanganan perjanjian ASEAN-European Union (EU) Comprehensive Air



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama para pemimpin ASEAN lainnya menghadiri Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-40, yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kembuja.**

Transport Agreement.

Para pemimpin ASEAN juga telah membincangkan kepentingan perpaduan bagi memastikan ASEAN bertindak balas terhadap pelbagai cabaran umum dan seterusnya meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang seperti keselamatan makanan, tenaga dan pembangunan digital.

Pada penghujung Sesi Plenari berkenaan, ASEAN Leaders' Vision Statement on ASEAN A.C.T: Addressing Challenges Together; ASEAN Leaders' Statement on 55th Anniversary of

ASEAN; dan ASEAN Leaders' Statement on ASEAN Connectivity Post-2025 Agenda; dan ASEAN Leaders' Statement on the Application of Timor-Leste for ASEAN Membership telah diluluskan.

Turut berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

## SIDANG PENGARANG 12 NOVEMBER 2022

### Berhati-hati, jangan tertipu

**S**INDIKET penipuan kewangan dalam talian telah wujud sejak beberapa dekad yang lalu. Pelbagai helah / modus operandi yang digunakan untuk memperdaya mangsa. Apa yang menyediakan ada sebahagian mangsa yang kerugian wang simpanan untuk hari tua mereka.

Untuk pengetahuan awda, segala situasi untuk modus operandi kedengaran sangat *real* seperti di dalam situasi sebenar sehingga ramai yang tertipu dengan mereka. Kepakaran penipu untuk mencari mangsa tidak diragukan kerana penipu ini sangat pintar dan sangat berhati-hati agar mangsa mereka akan mudah diperdaya dan operasi mereka tidak akan dapat dijejaki oleh pihak berkuasa.

Dalam hal ini, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin menasihatkan kepada orang ramai agar lebih berwaspada dan berhati-hati berhubung kegiatan *scam* yang sedang tular di negara ini. *Scam* berkenaan melibatkan panggilan telefon daripada individu yang mengaku dan menyamar sebagai seorang pegawai daripada pihak perbankan.

Pada ketika ini, PPDB sedang giat dan aktif menjalankan siasatan berhubung aduan dan laporan mengenai kes *scam* berkenaan. Oleh yang demikian, PPDB ingin menekankan dan menasihatkan kepada orang awam agar tidak memberikan sebarang maklumat peribadi dan perakaunan kepada mana-mana pihak yang tidak dikenal pasti, terutama apabila menerima panggilan sedemikian.

Maklumat peribadi seperti nombor akaun bank, *password* perbankan *online*, perlu awda simpan untuk kegunaan sendiri sahaja. Jika pihak tersebut meminta maklumat tentang kad debit / kredit dan perbankan *online* awda, lebih baik awda dengan segera menamatkan sahaja panggilan tersebut bagi mengelakkan dikesan oleh penipu tersebut.

Untuk pengetahuan orang ramai juga, modus operandi kegiatan *scam* berkenaan antara lain ialah dengan menghubungi mangsa dan mengaku sebagai pegawai bank atau pegawai daripada penguatkuasa undang-undang. Suspek kemudian akan memaklumkan mengenai tuntutan pinjaman kewangan, iaitu transaksi penggunaan kad kredit atau bayaran pinjaman yang tertuggak. Awda dinasihatkan agar tidak membuat pembayaran segera dengan jumlah wang yang besar bagi menyelesaikan tuntutan berkenaan.

Pemanggil juga didapati menggunakan loghat luar negara atau asing semasa berhubung menerusi talian berkenaan. Oleh itu awda dinasihatkan untuk tidak menjawab panggilan daripada nombor telefon dari luar negara yang tidak dikenali, melanckan nombor tersebut adalah senarai kenalan awda.

Para pengguna digesa agar lebih berwaspada apabila menerima panggilan yang mencurigakan dan sentiasa peka mengenai teknik penipuan yang digunakan sindiket *scam* bagi mengelakkan diri daripada ditipu menerusi kegiatan haram tersebut. Berhati-hatilah supaya awda tidak jatuh dalam perangkap *scam* ini. Jangan biarkan penat lelah awda mencari wang untuk masa depan hilang dalam sekilip mata sahaja hanya disebabkan oleh kelalaian sendiri. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

## WAKTU SEMBAHYANG

NOVEMBER	RABIULAKHIR	IMSIAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	AŞAR	MAGHRIB	İSYAK	
MASIHI	HARI	17	4.37	4.47	6.07	6.30	12.05	3.27	6.02	7.14
12	SABTU	17	4.37	4.47	6.07	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
13	AHAD	18	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
14	ISNIN	19	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
15	SELASA	20	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
16	RABU	21	4.37	4.47	6.08	6.32	12.06	3.27	6.02	7.14
17	KHAMIS	22	4.37	4.47	6.08	6.32	12.06	3.28	6.02	7.15
18	JUMAAT	23	4.37	4.47	6.09	6.32	12.06	3.28	6.02	7.15

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI



SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
32 24 °C	33 24 °C	32 25 °C
31 24 °C	33 24 °C	32 25 °C
31 24 °C	32 24 °C	32 25 °C
32 24 °C	33 24 °C	31 25 °C
Pekan Bangar		
31 24 °C	33 24 °C	32 25 °C
31 24 °C	32 24 °C	32 25 °C
31 24 °C	33 24 °C	31 25 °C
Pekan Tutong		
32 24 °C	33 24 °C	32 25 °C
32 24 °C	32 24 °C	32 25 °C
32 24 °C	33 24 °C	31 25 °C
Kuala Belait		
32 24 °C	33 24 °C	32 25 °C
32 24 °C	32 24 °C	32 25 °C
32 24 °C	33 24 °C	31 25 °C
WallahuAlam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

www.met.gov.bn

**pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn**

**دربیتکن اوله جابتن قڑاغن. جابتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد. نکارابرونی دارالسلام**

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# GALAK HUBUNGAN STABIL, KONSTRUKTIF DALAM KALANGAN RAKAN ASEAN



11 November 2022 | Phnom Penh, Cambodia

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ak. Mohd Aminol  
Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**PHNOM PENH, KEMBOJA,** Jumaat, 11 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-41 yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa Sesi Retreat berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menyatakan bahawa ASEAN, masih lagi dapat bekerjasama dengan rakan-rakannya serta mencari pelbagai peluang untuk meningkatkan kerjasama, walaupun ASEAN telah

menghadapi pelbagai cabaran akibat kesan pelbagai dimensi daripada pandemik COVID-19.

Baginda juga bertitah menegaskan, ketegangan geopolitik yang semakin meningkat akan mengancam kemajuan pelbagai usaha ASEAN, termasuk keselamatan makanan dan tenaga.

Oleh itu titah baginda, ia penting untuk menggalakkan hubungan yang stabil dan konstruktif dalam kalangan rakan-rakan ASEAN untuk bertindak balas terhadap cabaran berkenaan.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah dalam perkara berkenaan, penglibatan dan kerjasama di antara ASEAN



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-41, yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja (atas dan kiri).

dan rakan-rakannya adalah digalakkan, kerana ia akan menunjukkan komitmen ASEAN terhadap arkitektur serantau yang terbuka dan inklusif serta menegakkan kesepadan ASEAN.

Oleh itu, baginda bertitah menzahirkan sokongan terhadap Kenyataan Pemimpin-pemimpin ASEAN sempena Ulang Tahun ASEAN yang Ke-55, yang menyeru agar ASEAN sentiasa inklusif dan maju melalui kesepadan yang kukuh ketika bekerjasama dengan rakan-rakan luar.

Semasa Sesi Retreat berkenaan, Kebawah DYMM dan para pemimpin ASEAN, antara lainnya mengesahkan semula bahawa Myanmar kekal menjadi sebahagian daripada ASEAN



yang penting.

Oleh itu, Five-Point Consensus yang dipersejuaui oleh para pemimpin semasa Negara Brunei Darussalam menjadi Pengurus ASEAN pada tahun 2021 kekal menjadi rujukan yang sah dan perlu dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Pada pemimpin juga telah membincangkan mengenai hubungan luar dan hala tuju ASEAN pada masa hadapan, serta bertukar-tukar pandangan tentang pelbagai isu serantau dan antarabangsa.

## Berangkat ke Majlis Pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN, Sidang Kemuncak Berkaitan



**PHNOM PENH, KEMBOJA,** Jumaat, 11 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji

Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Pembukaan Sidang-sidang

ASEAN Ke-40 dan Ke-41 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja.

Berangkat mengiringi Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dialu-alukan oleh Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dialu-alukan oleh Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berangkat ke Majlis Pembukaan Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-40 dan Ke-41 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan, yang turut dihadiri oleh Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN.

>> Muka 4

## &gt;&gt; Muka 3

Majlis dimulakan dengan lagu tema ASEAN, 'The ASEAN Way', diikuti dengan persembahan kebudayaan dan ucapan pembukaan daripada Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Kemboja selaku Pengerusi ASEAN tahun ini.

Tuan Yang Terutama dalam ucapannya mengalukan kehadiran para pemimpin dan delegasi ke Phnom Penh bagi menghadiri Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-40 dan Ke-41 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan.

Sellesai majlis pembukaan berkenaan, Kebawah DYMM dan para pemimpin ASEAN lainnya menyaksikan Pameran Gambar mengenai sumbangan Kemboja kepada ASEAN.

Keberangkatan Kebawah DYMM ke Sidang-sidang Kemuncak ASEAN di Phnom Penh pada tahun ini, antara lainnya memberi peluang yang signifikan untuk mengesahkan semula hubungan akrab baginda bersama para pemimpin lainnya serta bagi meneruskan perbincangan ke arah mengukuhkan lagi kerjasama serantau.

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat menghadiri Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-41.



TUAN Yang Terutama Perdana Menteri Kemboja selaku Pengerusi ASEAN semasa ucapan pembukaan (kiri), sementara gambar tengah dan gambar kanan, antara persembahan kebudayaan yang memeriahkan Majlis Pembukaan Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-40 dan Ke-41 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan.

## KERJASAMA EKONOMI SALAH SATU TONGGAK PERKONGSIAN STRATEGIK KOMPREHENSIF ASEAN-CHINA



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sidang Kemuncak ASEAN-China Ke-25, yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja. Berangkat mengiringi baginda ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan kanan).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ak. Mohd Aminol  
Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**PHNOM PENH, KEMBOJA,** Jumaat, 11 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi, berkenan berangkat ke Sidang Kemuncak ASEAN-China Ke-25, yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada Sidang Kemuncak tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menekankan, bahawa Republik Rakyat China merupakan rakan kongsi ASEAN yang penting dalam menyumbangkan secara signifikan ke arah keamanan serantau, pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sosial selama lebih tiga dekad.

Kerjasama ekonomi yang meluas merupakan salah satu tonggak Perkongsian Strategik



Komprehensif ASEAN-China.

Oleh itu, baginda mengalukan perundingan dalam menaik taraf Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China bagi memastikan ia adalah terkini, lebih mesra perniagaan dan berdaya tahan, dalam menghadapi cabaran global.

Menyentuh mengenai Perjanjian Kerjasama Teknikal, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berharap bagi pelaksanaan awal perjanjian tersebut, sekali gus dapat mengukuhkan kapasiti manusia dan teknikal, di mana perjanjian ini adalah sangat selaras dengan inisiatif Pembangunan Global yang diumumkan oleh Presiden Republik Rakyat China, Tuan

Yang Terutama Xi Jinping semasa Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 2021, demi memastikan kemakmuran dalam masa jangka panjang.

Pada penghujung titah, baginda juga mengesahkan semula komitmen Negara Brunei Darussalam untuk mengukuhkan usaha-usaha dan nama baik bagi pelaksanaan penuh dan berkesan Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC) memandangkan tahun ini menandakan ulang tahunnya ke-20, serta menggalakkan pihak masing-masing untuk mempercepatkan rundingan ke arah kesimpulan Code of Conduct yang komprehensif dan teguh,

demi memastikan kepercayaan dan keyakinan berterusan di rantau ini.

## &gt;&gt; Muka 5



TUAN Yang Terutama Premier of the State Council of the People's Republic of China semasa berucap.

# PERCEPATKAN TINDAKAN TANGANI PERUBAHAN IKLIM, USAHA PERTINGKATKAN ARKITEKTUR DIGITAL



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN lainnya bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Republik Korea (ROK) Ke-23, yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja (kiri). Sementara gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersalaman bersama Tuan Yang Terutama Presiden ROK.

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ak. Mohd Aminol  
Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**PHNOM PENH, KEMBOJA,** Jumaat, 11 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN lainnya bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Republik Korea (ROK) Ke-23, yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja, selepas menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-China Ke-25.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa mengurniakan titah

dalam Sidang Kemuncak berkenaan, antara lainnya menekankan, bahawa Republik Korea adalah sebuah rakan strategik ASEAN yang sangat berharga, yang telah menyumbangkan pertumbuhan, pembangunan dan kemakmuran di rantau ini.

Kepimpinan ROK dalam inovasi, tegas baginda, dapat menyokong rakyat ASEAN untuk mengambil kebaikan sepenuhnya Revolusi Perindustrian Keempat, seperti menggunakan perkembangan teknologi dalam e-dagang, yang boleh memanfaatkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (P.M.K.S.) dalam memastikan pertumbuhan dan daya saing

mereka yang berterusan.

Kebawah DYMM, seterusnya menyuarakan pendapat baginda, bahawa semua pihak perlulah bekerjasama dalam menangani kesan perubahan iklim, dan oleh itu, baginda mengalaukan ROK untuk bekerjasama dalam membangunkan dasar bagi menangani cabaran melalui Pusat Perubahan Iklim ASEAN, yang akan dihoskan oleh Negara Brunei Darussalam.

Dalam mengakhiri titah, baginda juga menekankan kepentingan kerja sub-serantau sambil menegaskan, bahawa BIMP-EAGA kekal sebagai kawasan pertumbuhan yang ketara dengan potensi pembangunan, pelaburan dan perindustrian yang besar.

Oleh itu, baginda menzahirkan penghargaan atas sumbangan

ROK kepada Dana Kerjasama BIMP-EAGA-ROK yang akan dapat memajukan lagi sosioekonomi.

Sementara itu, Presiden ROK, Tuan Yang Terutama Yoon Suk-yeol, dalam ucapan mengesahkan semula komitmen ROK untuk memacu strategi Indo-Pasifik negara tersebut selaras dengan ASEAN Outlook on the Indo-Pacific ke arah meningkatkan kerjasama yang terbuka dan inklusif.

Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh selaku Negara Penyelaras Hubungan Dialog ASEAN-ROK, seterusnya menyampaikan Kenyataan Bersama ASEAN, yang antara lainnya menggariskan pengukuhan lanjut kerjasama di antara ASEAN dan Republik Korea melalui



peningkatan kerjasama komprehensif dan pengukuhan perkongsian bagi keamanan, kestabilan dan keselamatan di rantau ini.

Dalam Sidang Kemuncak tersebut, para Pemimpin membincangkan bagi mempercepatkan tindakan untuk menangani perubahan iklim; usaha-usaha ke arah mempertingkatkan arkitektur digital; serta mengukuhkan lagi kerjasama bersama ROK dalam bandar pintar dan ekonomi hijau.

Berangkat sama mengiringi Kebawah DYMM ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

## Kerjasama ekonomi salah satu tonggak perkongsian strategik komprehensif ASEAN-China

### >> Muka 4

Sementara itu, Premier of the State Council of the People's Republic of China, Tuan Yang Terutama Li Keqiang dalam ucapan, antara lainnya menekankan pencapaian yang ketara bagi Hubungan Dialog ASEAN-China, di mana ASEAN dan China merupakan rakan perdagangan yang terbesar di antara satu sama yang lain, meskipun berhadapan dengan kesan-kesan COVID-19 dan landasan antarabangsa yang rumit.

Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen selaku Pengurus ASEAN seterusnya menyampaikan Kenyataan Bersama ASEAN mengenai Hubungan Dialog ASEAN-China, yang antara lainnya menyambut baik pelaksanaan ASEAN-China Comprehensive Strategic Partnership Plan of Action for Peace and Prosperity 2021 - 2025, serta melahirkan penghargaan terhadap sumbangan-sumbangan China kepada ASEAN COVID-19 Response Fund.

Dalam Sidang Kemuncak ini, para Pemimpin membincangkan mengenai peningkatan perdagangan terbuka ke arah kestabilan ekonomi serantau dan mengalaukan kerjasama di antara ASEAN dan China dalam bidang transformasi digital dan pertumbuhan hijau.

Pada penghujung Sidang Kemuncak ini, ASEAN-China Joint Statement of the 20th Anniversary of the DOC; ASEAN-China Joint Statement on Promoting Common and Sustainable Development; dan ASEAN-China Joint Statement on Food Security Cooperation telah diluluskan.

## ASEAN-PBB perlu kekal fokus capai matlamat bersama

**PHNOM PENH, KEMBOJA,** Jumaat, 11 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Ke-12,

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Ke-12,

yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja selepas selesai Sidang Kemuncak ASEAN-ROK Ke-23.

### >> Muka 6



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Ke-12, yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-PBB Ke-12, yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja.**

#### >> Muka 5

Berangkat sama mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa bertitah dalam Sidang Kemuncak berkenaan, Kebawah DYMM menzahirkan penghargaan kepada Setiausaha Agung PBB, Tuan Yang Terutama Antonio Guterres atas sokongan berterusan PBB bagi usaha-usaha pembinaan komuniti ASEAN.

Baginda, seterusnya mengakui, bahawa pandemik COVID-19 telah memperlambangkan kemajuan dan menghambat usaha-usaha bagi merealisasikan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - S.D.G.).

Oleh itu, Sidang Kemuncak S.D.G. Kedua, pada tahun 2023 adalah dialu-alukan, di mana ia adalah masa yang tepat untuk mengkaji semula pendekatan ASEAN-PBB dalam melaksanakan Agenda 2030.

Ke arah ini, baginda menyeru ASEAN dan PBB supaya bekerjasama lebih rapat lagi dan terus menggalakkan pelengkap di antara Visi Komuniti ASEAN 2025 dan Agenda 2030.

Kebawah DYMM, selanjutnya mengalu-alukan kerjasama dengan agensi PBB yang

berkaitan melalui Pusat Perubahan Iklim ASEAN di Negara Brunei Darussalam untuk mengukuhkan kapasiti ASEAN, dalam mengurangkan kesan perubahan iklim.

Dalam mengakhiri titah, baginda juga menyampaikan pujian kepada Tuan Yang Terutama Setiausaha Agung PBB atas visi 'Agenda Bersama', dalam mempromosikan masa depan yang lebih terjamin dan makmur.

ASEAN-PBB juga perlu kekal fokus ke arah mencapai matlamat bersama, akibat ketidaktentuan global dan ketegangan geopolitik yang semakin meningkat.

Baginda, seterusnya berharap agar TYT dapat mempersiapkan Summit of the Future 2024 dengan jayanya bagi mengesahkan semula komitmen terhadap Piagam PBB dan menegakkan multilateralisme.

Sementara itu, Setiausaha Agung PBB, TYT Antonio

Guterres dalam kenyataannya menekankan, bahawa ASEAN sebagai sebuah rantau memainkan peranan yang penting dalam menangani peningkatan risiko ekonomi global yang berpecah-belah dan cabaran lain yang akan datang, melalui penyelesaian pelbagai hala.

Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen selaku Pengurus ASEAN kemudian menyampaikan Kenyataan Bersama ASEAN mengenai Hubungan Dialog ASEAN-PBB, yang mengiktiraf kerjasama ASEAN-PBB dalam menyokong usaha serantau menangani pandemik COVID-19.

Berikut ketidaktentuan dan cabaran global, ASEAN dan PBB hendaklah bekerjasama lebih rapat melalui penglibatan yang membina bagi menegakkan multilateralisme.

Dalam Sidang Kemuncak itu, para pemimpin menyeru kerjasama yang lebih kukuh di antara ASEAN dan PBB, bagi memastikan kerjasama antarabangsa yang terbuka dan

berasaskan peraturan, demi mengekalkan keamanan dan kemakmuran rantau ini, serta sokongan daripada PBB, dalam menangani krisis makanan, tenaga dan keselamatan.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama salah seorang pemimpin yang menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-PBB Ke-12 tersebut.**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai pada Sidang Kemuncak ASEAN-PBB Ke-12, sementara gambar atas, Tuan Yang Terutama Setiausaha Agung PBB ketika berucap.**



# BINCANGKAN PERANAN BELIA TINGKATKAN PEMBANGUNAN MAMPAH



**Siaran Akhbar :**  
Jabatan Perdana Menteri  
Foto : Mohamad Azmi  
Awang Damit, Ak. Mohd.  
Aminol Adi Azraie  
Pg. Haji Nikman

**PHNOM PENH, KEMBOJA,**  
Khamis, 10 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam petang tadi berkenan berangkat menghadiri ASEAN Leaders' Interface with Representatives of ASEAN Youth, yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel.

Semasa sesi tersebut, para Pemimpin ASEAN dan perwakilan Belia ASEAN, antara lainnya membincangkan mengenai peranan belia sebagai pemimpin masa depan ke arah meningkatkan pembangunan mampan di rantau ini.

Semasa ASEAN Leaders' Interface with Representatives of



10 November 2022 | Phnom Penh, Cambodia

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai pada ASEAN Leaders' Interface with Representatives of ASEAN Youth, di Sokha Phnom Penh Hotel.**

ASEAN Youth ini, Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Ketua Operasi dan Ketua Urusetia, Sukarelawan Belia COVID-19,

Awang Mohammad Abdul Wafi bin Haji Sofian; dan Mahasiswa Jurusan Undang-undang dan Syariah, Universiti Islam Sultan

Sharif Ali (UNISSA) Nur Izzah Amalia binti Malik Iskandar.

Sesi ini merupakan sebuah platform bagi Pemimpin-pemimpin ASEAN, dalam menyampaikan hasrat mereka terhadap para belia, serta bagi para belia untuk mengongsikan

usaha-usaha dan sumbangan-sumbangan masing-masing ke arah pembangunan serantau.

Sebelum berangkat balik, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra bersama perwakilan Negara Brunei Darussalam berkenaan.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke ASEAN Leaders' Interface with Representatives of ASEAN Youth (atas sekali kiri), sementara gambar atas, baginda berkenan dijunjung bergambar bersama para wakil negara di ASEAN Leaders' Interface with Representatives of ASEAN Youth, Ketua Operasi dan Ketua Urusetia, Sukarelawan Belia COVID-19, Awang Mohammad Abdul Wafi bin Haji Sofian; dan Mahasiswa Jurusan Undang-undang dan Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Nur Izzah Amalia binti Malik Iskandar. Manakala gambar kiri, para belia yang mewakili Negara-negara Anggota ASEAN di ASEAN Leaders' Interface with Representatives of ASEAN Youth.**

# BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS ROYAL AUDIENCE



**Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri**  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**PHNOM PENH, KEMBOJA,** Khamis, 10 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Royal Audience with His Majesty Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihamoni, King of Cambodia, yang berlangsung di Royal Palace, Phnom Penh (atas), sementara gambar atas kiri, sejurus berangkat tiba di Royal Palace, baginda dialu-alukan oleh His Majesty the King of Cambodia.

Norodom Sihamoni, King of Cambodia, yang berlangsung di Royal Palace, Phnom Penh, di sini.

Sejurus berangkat tiba di Royal Palace, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berada di Phnom Penh.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Royal Audience with His Majesty Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihamoni, King of Cambodia, yang berlangsung di Royal Palace, Phnom Penh (atas), sementara gambar atas kiri, sejurus berangkat tiba di Royal Palace, baginda dialu-alukan oleh His Majesty the King of Cambodia.

Baginda kemudiannya disertai oleh Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN lainnya bagi Majlis Royal Audience bersama His Majesty the King of Cambodia.

Semasa majlis ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berada di Phnom Penh.

Darussalam menzahirkan penghargaan kepada His Majesty the King of Cambodia serta rakyat Kemboja atas sambutan dan layanan mesra terhadap baginda dan delegasi Negara Brunei Darussalam semasa berada di Phnom Penh.

Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN berada di

Phnom Penh adalah bagi menghadiri Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-40 dan Ke-41 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang akan bermula pada Jumaat, 11 November 2022, didahului dengan Majlis Pembukaan.

>> Muka 9



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN lainnya bagi Majlis Royal Audience bersama His Majesty the King of Cambodia.

>> Muka 1

Para Pemimpin ASEAN kemudiannya akan mula bersidang semasa Sesi Plenari, diikuti dengan Sesi Retreat bagi mengetengahkan agenda dan keutamaan ketiga-tiga tunggak Komuniti ASEAN serta memperkuatkan kerjasama ASEAN bersama Rakan-rakan Dialog semasa Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan nanti.

Kemboja selaku Pengerusi ASEAN bagi Tahun 2022 menghoskan Sidang Kemuncak ASEAN tersebut kali ketiga selepas negara berkenaan menjadi tuan rumah pada tahun 2002 dan 2012.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama His Majesty the King of Cambodia berkenan dijunjung bergambar ramai bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN lainnya, pada Majlis Royal Audience berkenaan.

# KEBERANGKATAN TIBA DI PHNOM PENH, KERAJAAN KEMBOJA



**Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri**  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ak. Mohd Aminol  
Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**PHNOM PENH, KEMBOJA**, Rabu, 9 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Phnom Penh, Kerajaan Kemboja bagi menghadiri Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-40 dan Ke-41 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang akan berlangsung pada 10 hingga 13 November 2022, dan seterusnya mengadakan Keberangkatan Negara ke Kemboja pada 14 November 2022.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM di Lapangan Terbang Antarabangsa Phnom Penh dijunjung oleh Senior Minister in charge of Special Mission, Tuan Yang Terutama Okhna Datuk Dr. Othsmann Hassan.

Juga hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba baginda, Menteri di

Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Kerajaan Kemboja, Tuan Yang Terutama Pengiran Kasmirhan bin Pengiran Haji Tahir.

Kemboja, selaku Pengerusi ASEAN bagi tahun 2022, akan menghoskan Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-40 dan Ke-41 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang menghimpunkan para pemimpin ASEAN dan Rakan-rakan Dialog bagi meneruskan perbincangan mengenai agenda dan keutamaan ketiga-tiga tunggak Komuniti ASEAN, iaitu ASEAN Political-Security Community; ASEAN Economic Community dan ASEAN Socio-Cultural Community; serta mengukuhkan kerjasama ASEAN bersama Rakan-rakan Dialog.

Manakala Keberangkatan Negara baginda kali kedua ke Kemboja akan mengesahkan semula hubungan dua hala yang mesra dan seterusnya menggariskan keperluan untuk terus



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berangkat tiba di Phnom Penh, Kerajaan Kemboja bagi menghadiri Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-40 dan Ke-41 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan, seterusnya mengadakan Keberangkatan Negara ke Kemboja (kiri dan atas).

menjalin dan meluaskan kerjasama bagi manfaat yang lebih besar kepada rakyat kedua-dua buah negara, ini termasuk kerjasama dalam bidang perdagangan, pendidikan, belia, sukan dan kebudayaan.

Pada tahun ini, NBD dan Kemboja menyambut ulang tahun ke-30 penubuhan hubungan diplomatik sejak hubungan berkenaan dijalankan pada 9 Jun 1992.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka anakanda baginda sejurus berangkat tiba di hotel persemayaman baginda dan berkenan beramah mesra bersama para pegawai dan petugas di sana.

# BERANGKAT KE PHNOM PENH, KERAJAAN KEMBOJA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan berangkat ke Phnom Penh, Kerajaan Kemboja bagi menghadiri Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan (kiri), sementara gambar kanan, baginda bersama paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,  
Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 9 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan berangkat ke Phnom Penh, Kerajaan Kemboja bagi menghadiri Sidang-sidang

Kemuncak ASEAN Ke-40 dan Ke-41 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang akan berlangsung pada 10 November hingga 13 November 2022, dan seterusnya mengadakan Keberangkatan Negara ke Kemboja pada 14 November 2022.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan

majlis Kebawah DYMM ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqr Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuri Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; dan Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria; Penasihat Khas Kebawah DYMM; Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Menteri-menteri Kabinet; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



BERANGKAT sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda serta Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria; Penasihat Khas Kebawah DYMM; Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Menteri-menteri Kabinet; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (kanan sekali dan atas), sementara gambar kanan, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

# LAKUKAN SETIAP PEKERJAAN DENGAN IKHLAS



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama pada sesi bergambar ramai bersama para Pegawai dan Kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama Yang Bersara Tahun 2020 dan 2021.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

## >> Muka 1

Kalau sebaliknya, yakni tanpa keimanan, tanpa pegangan, tanpa keyakinan yakni kemahuan untuk mendapat reda Allah, maka seseorang yang telah bertungkus lumus bekerja, berkhidmat dengan cemerlang tanpa iman itu disebut oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai al-akhsarina a'mala, yakni 'orang yang paling rugi amal pekerjaannya' sebagaimana sebutannya dalam ayat 103, Surah Al-Kahfi dan dibaca seterusnya bersama dengan ayat 104 dan 105 bagi mengetahui betapa amal pekerjaan seseorang yang diperkirakan, dinilai, diperhitungkan sebagai paling baik bahkan cemerlang namun menjadi tidak bernilai di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Demikian yang ditekankan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa Majlis Penyerahan Sijil Penghargaan Perkhidmatan Bagi Pegawai dan Kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama Yang Bersara Tahun 2020 dan 2021, yang

berlangsung di Songket Ballroom, The Rizqun International Hotel, di sini.

Tegas Yang Berhormat, maka sedemikian itulah kita sekalian diperingatkan, di mana pekerjaan kita hendaklah disertai dengan niat ikhlas untuk mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Kerja, khidmat dan jasa kita, jelas Yang Berhormat, hanya akan dinilai baik oleh Allah Subhanahu Wata'ala apabila dibuat dengan sempurna, dilaksanakan dengan niat ikhlas demi mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Menurut Yang Berhormat, lebih penting lagi ialah semoga perkhidmatan biskita selama berpuluhan-puluhan tahun itu akan terhitung dalam rekod amal biskita di sisi Allah Subhanahu Wata'ala sebagai amal soleh. Sebab erti kata berkhidmat itu ialah bekerja dan kerja itu adalah amal.

"Kita sedia maklum, bahawa seperti biasa amal tertentu dalam ibadat disebut amal ibadat, maka perkhidmatan dalam apa pun juga tugas jawatan adalah layak dinamakan amal pekerjaan. Ada dengan nilainya

menurut ukuran Allah Subhanahu Wata'ala.

"Seperti juam amal ibadat ada dengan nilai-nilainya yang tertentu di sisi Allah Subhanahu Wata'ala maka sedemikian itu pula nilai amal pekerjaan," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat menegaskan yang jelas ialah seperti yang sudah kita maklumi, iaitu Allah Subhanahu Wata'ala mengukurnya lebih teliti, lebih halus dan tidak setakat baik atau sangat baik atau cemerlang seperti halnya dalam ukuran *performance appraisal* untuk menilai prestasi kerja.

Tambah Yang Berhormat, ukuran di sisi Allah Subhanahu Wata'ala sekali lagi seperti yang sedia kita fahami dan adalah lebih dari itu, jauh lebih dalam, iaitu Allah Subhanahu Wata'ala mengetahui niat seseorang lalu menilai dari sudut keikhlasannya membuat sesuatu pekerjaan.

Yang Berhormat turut mendoakan pegawai dan kakitangan yang telah bersara agar selamat di hari-hari persaraan setelah berpuluhan tahun berkhidmat sebagai penjawat awam, dan semoga perkhidmatan mereka akan terhitung di sisi Allah Subhanahu Wata'ala sebagai amal soleh.

Majlis tersebut adalah sebagai tanda penghargaan ke atas

perkhidmatan dan jasa baik yang telah dicurahkan oleh pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah bersara.

Seramai 72 pegawai dan kakitangan yang bersara pada tahun 2020 dan 64 pegawai dan kakitangan yang bersara pada tahun 2021 telah diraikan dan seterusnya menerima Sijil Bersara di atas sumbangan mereka sepanjang berkhidmat di

kementerian berkenaan.

Majlis penyampaian Sijil Bersara kepada para mantan pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyerahkan Sijil Penghargaan Perkhidmatan kepada salah seorang penerima.

# 527 kes dilaporkan sembah

Oleh : Srinarawie Bidzah  
Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Jumaat,  
11 November. - Sebanyak 527 kes disahkan sembah, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembah meningkat kepada 241,794.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan pada hari ini, sebanyak satu kes dilaporkan

berada dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Dalam masa yang sama, tidak ada kes dilaporkan dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Setakat 11 November 2022, Program Vaksinasi masih kekal di tahap yang tinggi, iaitu sebanyak

86.4 peratus kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun telah menerima dua dos vaksin manakala sebanyak 61.8 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.7 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan tiga dos vaksin dan 11.0 peratus telah menerima empat dos vaksin COVID-19.



# TINGKATKAN USAHA SERANTAU WUJUDKAN SINERGI LEBIH KUKUH



## >> Muka 1

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM, Pengiran Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra selaku Ketua Pegawai Kanan Tenaga ASEAN bagi Negara Brunei Darussalam serta Pegawai-pegawai dari Jabatan Tenaga di JPM.

Mesyuarat ini diadakan, di samping atur cara Mesyuarat Majlis Komuniti Ekonomi ASEAN Kali

Ke-21 yang berlangsung di Phnom Penh, Kemboja, berobjektif utama untuk meningkatkan usaha serantau, dalam mewujudkan sinergi yang lebih kukuh di antara sektor-sektor di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN, khususnya sektor ekonomi, tenaga, pengangkutan, serta pertanian dan perhutanan bagi memajukan agenda rantau ini mengenai dengan pembangunan ekonomi yang mampar.

Mesyuarat dipengerusikan oleh

Meni Perdagangan, Kerajaan Kemboja, Tuan Yang Terutama Pan Sorasak selaku Pengerusi Menteri-menteri Majlis Komuniti Ekonomi ASEAN dan dihadiri oleh Menteri-menteri serta wakil-wakil dari Negara Anggota ASEAN daripada empat badan sektor ASEAN, iaitu Majlis Komuniti Ekonomi ASEAN; Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga ASEAN; Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN; serta Menteri-menteri



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), menghadiri Mesyuarat Ministerial Interface Meeting on Sustainable Development Agenda under the ASEAN Economic Community secara dalam talian, pada 9 November 2022. Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM selaku Ketua Pegawai Kanan Tenaga ASEAN bagi Negara Brunei Darussalam (kiri dan atas).


## ■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri

Pertanian dan Perhutanan ASEAN.

Mesyuarat menekankan keperluan untuk terus membincangkan isu-isu yang mempunyai implikasi terhadap agenda pembinaan komuniti ekonomi di rantau ini, terutamanya dalam mempromosikan dan menyokong inisiatif ASEAN ke arah mencapai neutraliti karbon melalui strategi serta pendekatan dalam mempromosikan pertumbuhan hijau.

Keempat-empat badan sektoral ASEAN tersebut juga bersatu untuk meningkatkan penyelarasan serta kerjasama rentas sektor yang lebih sistematis, berintegrasi dan berpadu, bagi memajukan kerja-kerja ke arah mencapai sasaran neutraliti karbon melalui strategi serta pendekatan dalam mempromosikan pertumbuhan hijau.

## Isu keselamatan serantau, antarabangsa dibincangkan



MESYUARAT Jawatankuasa Kerjasama Pertahanan Bersama (JKPB) Ke-4, yang dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap (Dasar, Kewangan dan Pentadbiran), Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam; dan Sekretaris-Jeneral, Kementerian Pertahanan, Republik Indonesia, Marsekal Udara Donny Ermawan Taufanto, M.D.S (kiri dan bawah), sementara gambar atas, Setiausaha Tetap (Dasar, Kewangan dan Pentadbiran), Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam menyampaikan cenderahati kepada Sekretaris-Jeneral, Kementerian Pertahanan, Republik Indonesia.



## ■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

JAKARTA, REPUBLIK INDONESIA, Rabu, 9 November. - Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama Pertahanan Bersama (JKPB) Ke-4 diadakan di Hotel Grand Mercure, Kemayoran, Jakarta, Republik Indonesia.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap (Dasar, Kewangan dan Pentadbiran), Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam, Kolonel (B) Norsuriati binti Haji Sharbini dan Sekretaris-Jeneral, Kementerian Pertahanan, Republik Indonesia, Marsekal Udara Donny Ermawan Taufanto, M.D.S.

Mesyuarat berkenaan turut

dihadiri oleh Pegawai-pegawai dari Kementerian Pertahanan dan Angkatan bersenjata kedua-dua negara.

Semasa mesyuarat berkenaan, kedua belah pihak mengesahkan komitmen untuk memperkuatkannya lagi hubungan pertahanan dua hala.

Mesyuarat tersebut juga membincangkan kemajuan mengenai kerjasama pertahanan dua hala dan menerokai prospek bagi potensi bidang kerjasama di masa akan datang.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia turut berpeluang bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu

keselamatan serantau dan antarabangsa yang menjadi keimbangan bersama.

Mesyuarat JKPB di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia ditubuhkan pada tahun 2014 dan adalah satu platform bagi pertukaran pandangan mengenai perkara-perkara yang menjadi keimbangan bersama, selain membincangkan kerjasama pertahanan yang sedia ada serta akan datang.

Mesyuarat JKPB ini adalah susulan dari Penandatangan Memorandum Kerjasama Pertahanan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia, pada 10 April 2003.

# Inisiatif mendukung Bandar Pintar

Berita dan Foto :  
Hernie Suliana Haji Othman



**SETIAUSAHA Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional) Kementerian Pembangunan (atas), sementara gambar atas kanan, para pembentang kertas kerja pada Seminar bersempena Sambutan Jubli Emas Jabatan Perancang Bandar dan Desa.**

## >> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat pada seminar berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Infrastruktur,



Perumahan dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria.

Bagi memulakan seminar, tetamu kehormat telah menyampaikan ucaptama, antara lain mengongsikan bahawa Kementerian Pembangunan memahami infrastruktur dan utiliti

digital adalah blok bangunan asas yang membolehkan bandar menggunakan teknologi dengan cekap dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Bagi Kementerian Pembangunan, katanya, salah satu fokus yang diutamakan adalah untuk memulakan Pengurusan Infrastruktur SMART dengan empat faktor utama iaitu keselamatan, kelajuan, penjimatkan kos dan kualiti hidup.

Dengan memperkenalkan Sistem Meter Pintar Bersepadan (USMS) pada bulan lepas (Oktober), iaitu penyelesaian pintar yang disatukan untuk perkhidmatan air dan elektrik ke dalam satu akaun, membolehkan orang ramai memantau penggunaan elektrik dan air mereka dengan lebih teliti dan menganalisis tabiat penggunaan peribadi, yang boleh membawa kepada pengurusan kewangan yang lebih bijak perbelanjaan

**ANTARA yang hadir pada seminar berkenaan.**

utiliti.

"Inilah yang saya rasakan sebagai bijak, dengan memberikan semua maklumat ini pada masa yang betul, bukan pada akhir bulan, bagi membolehkan pelanggan membuat keputusan yang terbaik pada masa yang tepat.

"Diharapkan Brunei dapat, dalam masa terdekat, mencapai sasaran menjadi Negara Pintar, namun kita hanya boleh menjadi Negara Pintar jika semua orang, terutamanya orang awam, menggunakan teknologi pintar untuk menjadikan kualiti hidup kita lebih baik," ujarnya.

Majlis diteruskan dengan pembentangan kertas kerja pertama bertajuk 'Info-Telecommunication Infrastructure : Prospects for Smart Cities Initiatives' disampaikan oleh wakil Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), Tan Boon Sing, yang memberi tumpuan kepada perkongsian mengenai inisiatif yang telah diusahakan dalam memantapkan infrastruktur

telekomunikasi.

Manakala kertas kerja kedua iaitu 'National Information Data Hub' yang disampaikan oleh wakil Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC), Dayang Raini binti Matyassin, antara lain mengongsikan beberapa inisiatif dalam mewujudkan pengkalan data yang komprehensif dan sepadu.

Sesi diakhiri dengan pembentangan secara maya kertas kerja bertajuk 'Geographical Information System (GIS) : Prospect for Smart Cities Initiatives' oleh Awang Agung Probowo dari SeriMaya Technologies, yang mengongsikan peranan serta beberapa kajian kes dalam menggunakan sistem maklumat geografi dalam inisiatif negara pintar yang berkeupayaan untuk mengintegrasikan maklumat pelbagai bagi membantu dalam membuat keputusan atau pemantauan berkesan dan efektif.

Seminar dua hari berkenaan telah berlangsung di Bilik Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



# PAMERKAN IMPAK, KEBERKESANAN PROJEK ELPP

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



**ANTARA yang hadir pada simposium tersebut.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 10 November. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan dengan kerjasama CfBT Education

Services mengadakan Simposium English Language Peer Partnership (ELPP) Learning Study, di Dewan Silaturrahim, Pusat Belia, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat,

Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Simposium bertujuan untuk memperkenalkan kajian dan pembelajaran profesional, yang berlangsung di dalam Learning Teams, mempamerkan impak serta keberkesanannya Projek ELPP dan memberikan peluang kepada orang berkepentingan untuk terlibat secara langsung mengenai perkembangan profesional ini.

Pada Simposium berkenaan diisikan dengan kata-kata aluan, disampaikan oleh Country Manager, CfBT Education Services Dominic Morley, seterusnya diikuti dengan ucaptama 'Professional Learning : The Heartbeat of Effective Teaching' daripada Timbalan Country Manager, CfBT Education Services, Dr. Louise Pagden.

Acara itu diakhiri dengan penyampaian sijil kepada 37 Guru Bahasa Inggeris dan CfBT Peer Mentors sebelum pembentangan poster kajian dibuat mengikut



**SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan menyerahterahkan sijil kepada para peserta Simposium English Language Peer Partnership (ELPP) Learning Study tersebut (atas), sementara gambar kanan, ucaptama 'Professional Learning : The Heartbeat of Effective Teaching' daripada Timbalan Country Manager, CfBT Education Services, Dr. Louise Pagden.**

kumpulan masing-masing.

Turut hadir, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan dan Pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.



# MENGHIDUPKAN SEMULA WARISAN MILIK NEGARA



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BERAKAS**, Rabu, 9 November. - Penerbitan Buku Koleksi Irama dan Lagu O Kanak-Kanak pada tahun 2021 yang menghimpunkan 56 buah lagu kanak-kanak tradisi telah memungkin kepada kesedaran untuk terus menghidupkan semula warisan milik negara ini.

Kesedaran ini sememangnya tidak lepas daripada melihat akan kepentingan lagu kanak-kanak tradisi terhadap pembentukan keperibadian yang luhur dalam kalangan masyarakat. Pendidikan moral sebaiknya ditanamkan sejak kecil lagi untuk membentuk bangsa berkeperibadian yang baik.

Perkara tersebut ditegaskan oleh Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud pada Majlis Nyanyian Kanak-Kanak Tradisi Brunei : Sembang Kreatif berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Berakas hari ini.

Menurut Pengiran Mohammad Amirrizal, salah satu cara efektif dalam mendidik dan mengajarkan nilai moral serta murni terhadap anak adalah menerusi lagu kanak-kanak tradisi.

"Lagu kanak-kanak tradisi dipercaya dapat dijadikan sebagai salah satu medium untuk memudahkan anak-anak

menyerap nilai murni dan pesan moral yang terdapat dalam lagu kerana lagu kanak-kanak tradisi itu sendiri memiliki makna yang amat luhur.

"InsyaAllah, pada hari ini kita berpeluang mempelajari dan memahami makna lagu kanak-kanak yang sarat akan pesan moral kehidupan ini melalui perbincangan mengenai falsafah dan edukasi yang akan disampaikan sebentar lagi," ujarnya.

Pengiran Mohammad Amirrizal menekankan perihal pentingnya fungsi lagu kanak-kanak ini sewajarnya perlu diangkat dalam dunia pendidikan.

Pendidikan itu, jelasnya, tidak hanya sekadar sebagai sarana untuk memberikan ilmu pengetahuan sahaja tetapi juga dapat digunakan sebagai wasilah untuk menanamkan budaya serta membentuk akhlak, sifat dan sosialisasi.

"Tambahnya lagi, perkembangan teknologi yang semakin pesat juga telah memberikan kemudahan dan ruang yang luas dalam memvariasikan penyebaran lagu kanak-kanak dengan lebih efisien dan pantas," katanya lagi.

Terdahulu, Pengiran Mohammad Amirrizal menyatakan pelaksanaan Festival Sastera dan Seni Budaya Melayu Brunei dipergiatkan lagi dengan mengikuti arah penyebarluasan

salah satu khazanah kita, iaitu lagu kanak-kanak tradisi.

Lagu kanak-kanak tradisi Brunei tidak dinafikan turut menyumbang kepada pemartabatan bahasa Melayu di negara ini yang secara tidak langsung juga mampu mengangkat dan menjulang lagi jati diri bangsa Melayu.

Jelasnya, upaya DBP dalam memperkasakan bahasa Melayu tanpa penat lelah ini sewajarnya kita sokong dan kukuhkan dengan sama-sama memberikan dukungan yang padu baik dari segi tenaga mahupun pemikiran agar usaha ini secara berterusan dipertingkatkan.

"Apa yang pasti, kerjasama sinergi dari pelbagai pihak melalui Pendekatan Senegara (Whole of Nation Approach) juga akan menghasilkan impak yang maksimal terhadap kelangsungan penggunaan bahasa Melayu sebagai jentera pembangunan tamadun bangsa," tambahnya lagi.

Sementara itu, Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab dalam alu-aluannya antara lain menyatakan, DBP secara berterusan mendayaupayakan pemerkaan bahasa Melayu melalui pelestarian dan penyebarluasan seni budaya di negara ini.

Salah satu usaha pelestarian adalah apabila DBP menerusi Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan berjaya mengumpulkan lagu

SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada Majlis Nyanyian Kanak-Kanak Tradisi Brunei : Sembang Kreatif (kiri), sementara gambar atas, Sembang Kreatif, disampaikan oleh Pembicara, Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Bakyr (Imbi), mantan Pengarah DBP dan moderator, Pensyarah Universiti Brunei Darussalam, Mohd. Zefri Ariff bin Mohd. Zain Ariff (Zefri Ariff Brunei).

kanak-kanak tradisi Brunei dan seterusnya diterbitkan dalam Buku Koleksi Irama dan Lagu O Kanak-Kanak pada bulan September 2021.

Upaya melestarikan dan menyebarluaskan seni lagu kanak-kanak ini tidak terhenti kepada pendokumentasian sahaja, tetapi terus dikukuhkan lagi usaha ini dengan menyebarluaskan seni lagu kanak-kanak agar lebih dikenali dan dihayati oleh semua kalangan masyarakat bukan sahaja di peringkat negara malah peringkat serantau mahupun antarabangsa.

Kegiatan Nyanyian Kanak-Kanak Tradisi Brunei diangkat sebagai kegiatan yang disuguhkan untuk membarigakan secara meluas lagi lagu kanak-kanak tradisi Brunei melalui pelaksanaan Sembang Kreatif, Peraduan Mencipta Video Animasi Lagu Kanak-Kanak, Pertandingan Sketsa, Kuiz dan Pertandingan Kugiran," ujarnya.

"Kita mengetahui bahawa lagu kanak-kanak tradisi dicipta tidak hanya sekadar berbentuk hiburan semata-mata tetapi seni dan lirik lagu yang dicipta mempunyai nilai pengajaran dan moral yang tinggi di dalamnya.

"Inisiatif mengadakan Nyanyian Kanak-Kanak Tradisi Brunei : Sembang Kreatif pada hari ini adalah amat bertepatan untuk mendidik dan memberikan kefahaman mengenai seni lagu kanak-kanak tradisi Brunei secara terperinci kepada masyarakat.

"Dengan mengangkat isi

perbincangan mengenai falsafah dan edukasi lagu kanak-kanak tradisi Brunei yang akan disampaikan oleh Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Bakyr, merupakan salah seorang pencipta lagu kanak-kanak tradisi ini akan dapat mencerahkan masyarakat bagi memangkin masyarakat untuk turut sama berperanan dalam mengembangkan seni lagu kanak-kanak agar khazanah bangsa ini akan tetap terus diwarisi dan dipelihara," katanya lagi.


Sembang Kreatif dilaksanakan dalam konsep bicara yang disampaikan oleh Pembicara, Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Bakyr (Imbi), mantan Pengarah DBP dengan membincangkan mengenai falsafah dan edukasi lagu kanak-kanak tradisi Brunei.

Manakala Pensyarah Universiti Brunei Darussalam, Mohd. Zefri Ariff bin Mohd. Zain Ariff (Zefri Ariff Brunei) juga Penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara 2011 selaku moderator pada majlis berkenaan.

Antara objektif Sembang Kreatif ini dilaksanakan adalah untuk menyebarluaskan ilmu mengenai lagu kanak-kanak tradisi Brunei agar khazanah ini tetap relevan dan dikenali oleh masyarakat.

Selain itu, memberikan nilai dan manfaat ilmu lagu kanak-kanak tradisi Brunei kepada masyarakat; serta mencerahkan minda masyarakat untuk mendalami dan memahami kepentingan seni lagu kanak-kanak tradisi Brunei.

## 170 pelatih dirai pada Majlis Khatam Al-Quran



SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada Majlis Khatam Al-Quran Program Jati Diri Kohort 1 bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi.

(Bersama) Haji Mohammad bin Dollah, selaku Pengurus Majlis.

Turut hadir, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Mohd. Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim; Ketua Sekretariat Tetap, Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Jabatan Perdana Menteri, Dr. Hajah Siti Hazzah binti Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif, IBTE; Pengarah-pengarah serta pegawai-pegawai kanan Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Pendidikan; dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis dan seterusnya diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran beramai-ramai dan Takhtim yang diketuai oleh

disempurnakan oleh 1146 Pelatih Za'aim bin Zaini daripada Platon 6.

Atur cara diteruskan lagi dengan penyampaian sijil kepada para pelatih Program Jati Diri (PJD) yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis bagi pelatih lelaki manakala Ketua Sekretariat Tetap MPEC menyampaikan bagi pelatih perempuan.

>> Muka 20



PARA peserta Khatam Al-Quran Program Jati Diri Kohort 1 bagi Tahun 1444H / 2022M.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**TEMBURONG**, Jumaat, 11 November. - Seramai 170 orang pelatih diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran Program Jati Diri Kohort 1 bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi yang dilangsungkan di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Batu Apoi Temburong.

Para peserta khatam merupakan sebahagian daripada 215 orang pelajar Institut Pendidikan Teknikal

## Menjaga kebersihan dan alam sekitar



**B**ERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 222 :

**Tafsirnya** : "Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang yang sentiasa mensucikan diri".

Agama Islam adalah agama syumul yang merangkumi semua aspek kehidupan termasuklah dalam menjaga kebersihan. Menjaga kebersihan adalah sesuatu yang disukai Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasulnya. Dalam agama Islam, ajaran tentang kebersihan berkait berbagai hal antara lain : kebersihan rohani, kebersihan jasmani, kebersihan pakaian, kebersihan tempat dan kebersihan alam sekitar. Perkara ini tidak boleh dipisahkan

kerana kebersihan itu melambangkan keteguhan iman seseorang itu terhadap Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Abu Malik Al-Asyari Radiallahuanhu berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Kebersihan itu sebahagian daripada iman". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Betapa pentingnya kebersihan itu sehingga Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengumpamakan kebersihan itu sebagai kunci sembahyang. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Termizi, daripada Ali bin Abu Talib Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Kunci sembahyang adalah suci".

Agama kita menganjurkan umatnya supaya sentiasa mengamalkan kebersihan dalam semua perkara yang melibatkan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Ini kerana kebersihan itu boleh mendatangkan suasana yang tenang, kesihatan yang terjamin dan kesejahteraan kepada kita semua.

Menjaga kebersihan itu hendaklah dijadikan sebagai budaya dalam kehidupan kita sama ada kebersihan diri sendiri, tempat tinggal, masjid, tempat-tempat awam dan tempat makan seperti restoran-restoran dan seumpamanya.

Sesungguhnya kita adalah bertanggungjawab untuk menjadikan tempat-tempat ibadat seperti masjid, surau dan balai ibadat sentiasa dalam keadaan bersih. Begitu juga dengan segala kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan seperti tandas atau bilik air.

Selain itu, tempat-tempat peranginan, tempat-tempat riadah, saliran-saliran, sungai-sungai dan lain-lain hendaklah dijaga supaya sentiasa dalam keadaan yang baik, kelihatan bersih dan tidak pula dirosakkan oleh sikap pemugut, pengotor dan tidak bertanggungjawab. Sikap atau kebiasaan membuang sampah sembarangan seperti di tempat-tempat awam, di sungai-sungai atau di tepi-tepi jalan termasuk melonggokkan barang-barang

terpakai bukan saja merosakkan keindahan dan mengganggu ketenteraman awam malah menimbulkan bermacam bahaya dan kesan buruk kepada kesihatan, keselamatan dan pencemaran alam sekitar.

Adapun membudayakan amalan hidup bersih ini setentunya bermula dari rumah. Oleh itu, ibu bapa hendaklah membimbing dan mengajar ahli keluarga tentang aspek kebersihan. Jadilah keluarga yang mementingkan kebersihan yang akhirnya akan menjadikan masyarakat dan negara yang mengutamakan kebersihan. Selain itu, kebersihan jasmani dan persekitaran juga perlu diperhatikan dalam pendidikan kanak-kanak. Kebiasaan dalam menjaga kebersihan ini akan mempengaruhi dalam kehidupannya sehingga ia menjadi budaya dalam menjaga kebersihan.

Untuk melahirkan persekitaran hidup yang bersih dan sentiasa kelihatan menarik, kita perlulah menghayati dan mengamalkan bersama perkara-perkara berikut :

**Pertama** : Kita hendaklah mengamalkan kesedaran terhadap kebersihan diri, tempat tinggal, tempat beribadat, tempat kerja dan seluruh tempat awam kerana agama Islam mengutamakan kebersihan dalam semua bidang kehidupan.

**Kedua** : Setiap individu hendaklah mendisiplinkan diri dalam memikul tanggungjawab menjaga kebersihan dan hendaklah memiliki sikap suka kepada kebersihan.

**Ketiga** : Mengamalkan budaya tegur-menegur dan nasihat-menasehati sesama kita dalam hal menjaga kebersihan. Amalkanlah sikap tidak camah mata jika ternampak kekotoran. Dengan demikian, ia akan melahirkan perasaan cinta kepada kebersihan dan benci kepada kekotoran.

**Keempat** : Menggunakan kemudahan yang disediakan dengan sebaik mungkin seperti tong sampah, tong kitar semula dan tempat pembuangan sampah awam tanpa membiarkan sampah sarap dan kekotoran bertaburan merata-rata.

Bulan November 2022 adalah merupakan bulan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Penubuhan Jabatan Perancang Bandar dan Desa, yang turut diselanjurkan dengan

Sambutan Hari Perancangan Bandar Seduna yang lazimnya disambut pada setiap bulan November setiap tahun.

Tema Sambutan Jubli Emas pada tahun ini adalah 'Menyusuri 50 Tahun Perancangan Bandar dan Desa : Pencapaian, Cabaran dan Masa Depan'. Jabatan Perancang Bandar dan Desa bukan sahaja berperanan merancang guna tanah akan tetapi juga berperanan untuk mewujudkan pembangunan fizikal serta persekitaran sentiasa mampan dan berdaya tahan. Perancangan pembangunan negara dipastikan dalam keadaan kondusif dan selamat supaya kemajuan nampak menarik dan bersistematis.

Bagi mewujudkan persekitaran kemajuan yang mampan dan berdaya tahan, peranan Jabatan Perancang Bandar dan Desa adalah untuk memastikan penggunaan tanah yang optimum serta penyelarasaran kemajuan adalah teratur, berintegrasi serta saling melengkapi melalui Perintah Perancangan Bandar dan Desa serta piawaian dan peraturan kemajuan yang perlu dipatuhi dalam menyelaras satu-satu kemajuan.

Akhirnya, sama-sama kita menjaga kebersihan dan alam sekitar dalam kehidupan kita sehari-hari sama ada kebersihan di tempat awam, tempat-tempat persendirian mahupun kebersihan jiwa dan rohani. Mudah-mudahan dengan mengamalkan kebersihan dalam kehidupan kita, Negara Brunei Darussalam akan menjadi sebuah negara yang indah, bersih dan bebas dari sebarang penyakit dan marabahaya.

Sama-sama kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa menjadikan kita orang-orang yang sentiasa bertaubat, mensucikan diri dan menjadikan kita hamba-Nya yang sentiasa mengerjakan amalan soleh dan berkebajikan. Amin Ya Rabbal Alamin.

**Tafsirnya** : "Sesungguhnya berjaya orang yang mensucikan jiwynya. Dan sesungguhnya rugiah orang yang mengotorinya". (Surah Ash-Shams, ayat 9-10)

## PERANCANGAN BERSESUAIAN DENGAN KRISI IKLIM

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Hamzah Mohidin



PARA pembentang kertas kerja pada seminar tersebut (kiri dan kanan).

**BERAKAS**, Rabu, 9 November. - Perubahan iklim adalah satu perkara yang kompleks, ia memerlukan tindakan dan strategi untuk dirancang serta dilaksanakan secara kolektif dan kolaboratif.

Justeru, amat penting mempunyai set komprehensif data yang disokong oleh teknologi yang berkaitan dengan strategik untuk membolehkan kita belajar lebih baik dengan keadaan bandar dan cabaran bagi menyesuaikan strategi masing-masing.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah



SETIAUSAHA Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan ketika mendengarkan pembentangan pada Majlis Seminar sempena Sambutan Jubli Emas Ke-50 Tahun Penubuhan Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

menggubal dasar perancangan baharu dan strategi pembangunan untuk 20 tahun akan datang, kita perlu menyemak semula perancangan guna tanah masing-masing dan dasar.

Ini termasuk penyediaan infrastruktur strategi untuk menilai dengan lebih baik sebagaimana untuk menjadikannya berdaya tahan iklim dan boleh disesuaikan dengan perancangan guna tanah dalam menguruskan pertumbuhan bandar pada masa hadapan.

Kawasan hot spot, ujarnya seperti di pantai, kawasan rendah dan persekitaran lain kawasan sensitif memerlukan dasar perancangan yang berkesan untuk lebih menyesuaikan diri dengan krisis perubahan iklim.

Beliau menjelaskan, dalam

menyumbang ke arah jejak rendah karbon pembangunan bandar, perancangan dan berdaya tahan iklim bandar pembangunan perlu diterokai secara holistik apabila membuka kawasan pembangunan baharu bagi memelihara ruang hijau yang seimbang dengan tanah sektor yang lain permintaan terutamanya hutan simpan.

"Saya berharap seminar dua hari ini akan membawa hasil kepada atas semua jurang ini untuk kita terus maju bersama-sama, terutamanya dalam pembinaan yang relevan asas pengetahuan dan pengalaman yang berkaitan dengan perkembangan atau tindak balas dasar yang berkesan, perancangan dan infrastruktur guna tanah yang kreatif strategi

dan inisiatif peruntukan.

"Selain itu, mengoptimalkan peranan teknologi maklumat untuk perancangan bandar pintar dan kawalan pembangunan keputusan," jelasnya lagi.

Seminar tersebut dihadiri oleh tiga panel, iaitu Dr. Diana Cheong Poh Poh, Dayangku Norhanidah binti Pengiran Haji Masshor dan Dr. Lim Hang Ping.

Acara yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas itu turut dihadiri oleh Setiausaha-setiausaha Tetap selaku Ahli Majlis Perancangan Guna Tanah Kebangsaan dan Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) selaku Autoriti Perancang serta ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Pembangunan.

# MENJAGA KEBERSIHAN DAN ALAM SEKITAR

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 16 Rabiulakhir 1444H/ 11 November 2022M

Untuk melahirkan persekitaran hidup yang bersih dan sentiasa kelihatan menarik, kita perlulah menghayati dan mengamalkan bersama perkara-perkara berikut:



Mengamalkan kesedaran terhadap kebersihan diri, tempat tinggal, tempat beribadah, tempat kerja dan seluruh tempat awam



Setiap individu hendaklah mendisiplinkan diri dalam memikul tanggungjawab menjaga kebersihan dan memiliki sikap suka kepada kebersihan



Mengamalkan budaya tegur-menegur dan nasihat menasihati sesama kita dalam hal menjaga kebersihan



Menggunakan kemudahan yang disediakan dengan sebaik mungkin

## APA LAGI YANG BOLEH KITA BUAT?

### TEMPAT-TEMPAT PERANGINAN, RIADAH, SALIRAN-SALIRAN, SUNGAI-SUNGAI DAN LAIN-LAIN:

- Dijaga supaya sentiasa dalam keadaan yang baik, kelihatan bersih dan tidak dirosakkan oleh sikap pemugut, pengotor dan tidak bertanggungjawab.
- Jangan buang sampah sembarangan.
- Jangan longgokkan barang-barang terpakai di tempat-tempat awam, sungai-sungai atau tepi-tepi jalan.

### KESANNYA

- Meraksa keindahan,
- Mengganggu ketenteraman,
- Menimbulkan bermacam bahaya,
- Kesan buruk terhadap kesihatan, keselamatan dan pencemaran alam sekitar.



## NOVEMBER 2022

- Bulan sambutan Jubli Emas 50 tahun penubuhan Jabatan Perancang Bandar dan Desa.**  
Tema: Menyusuri 50 Tahun Perancangan Bandar dan Desa: Pencapaian, Cabaran dan Masa Depan

- Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia**

Jabatan Perancang Bandar dan Desa bukan sahaja berperanan merancang guna tanah akan tetapi juga berperanan untuk mewujudkan pembangunan fizikal serta persekitaran sentiasa mampan dan berdayatahan.

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam

# KESEDIAAN TVET UNTUK IR 4.0

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan ketika berucap.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 10 November. - Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh berkata bahawa Industri 4.0 telah tiba, kekal dan akan terus maju di mana perkembangan industri telah memberi kesan dan akan terus mempengaruhi cara kita hidup, belajar dan bekerja.

Berucap semasa Majlis Penutupan Program Latihan Serantau dan Bengkel 'Kesediaan Institusi TVET untuk IR 4.0 di Asia Tenggara', Dr. Chin Wei Keh menjelaskan, projek penyelidikan itu adalah penting untuk menilai keberadaan kita pada masa ini

**Siaran Akbar dan Foto :**  
**Kementerian Pertahanan**

**JEPUN**, Khamis, 10 November. - West Pacific Naval Symposium (WPNS) Ke-18 dan International Fleet Review (IFR) 2022 telah diadakan di Yokosuka, Jepun pada 6 hingga 8 November 2022 yang dihadiri oleh Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Spry bin Haji Serudi @ Haji Seruji selaku ketua rombongan.

Penyertaan TLDB tahun ini lebih signifikan dengan pelayaran TLDB buat kali pertama ke Jepun untuk menghadiri International Fleet Review (IFR) 2022 yang diadakan bagi menyambut Hari Ulang Tahun Japan Maritime Self Defence Force (JMSDF) Ke-70.

Acara IFR 2022 turut dihadiri oleh Menteri Pertahanan Jepun, Tuan Yang Terutama Yasukazu Hamada selaku tetamu kehormat di atas JS IZUMO bagi meneliti kapal-kapal yang melibatkan KDB DARULEHSAN dan 36 buah kapal tentera laut yang lain daripada negara Jepun, Australia,



PERARAKAN bandaraya antara aktiviti yang diadakan sempena IFR.

berkaitan dengan kesediaan dan aspirasi industri serta institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Technical Vocational Education and Training-TVET) untuk IR 4.0 bagi intervensi dasar dan inisiatif yang diperlukan.

Menurutnya, penyelidikan itu diharap dapat menyediakan data dan maklumat yang diperlukan untuk membantu institusi TVET membangunkan pelan hala tuju dalam cara meningkatkan kesediaan untuk IR 4.0 ke peringkat seterusnya.

"Walaupun masih sukar untuk meramalkan dengan tepat tahap gangguan daripada Industri 4.0 terhadap industri dan pekerjaan di Asia Tenggara, penyelidikan baru-baru ini mengenal pasti, walau bagaimanapun, kekurangan pekerja berkemahiran sebagai hambatan penting untuk pembangunan ekonomi masa depan Negara Anggota ASEAN dan keupayaan mereka untuk menggunakan potensi Industri 4.0 bagi pertumbuhan yang mampan," ujarnya pada majlis yang berlangsung di SEMEO VOCTECH, di sini.

Dengan TVET yang diiktiraf sebagai komponen kritis ekosistem pendidikan oleh pelbagai negara bagi merapatkan jurang kemahiran dan mengurangkan pengangguran jelasnya, tidak hairanlah TVET menduduki tempat yang tinggi dalam agenda politik SEAMEO dan negara anggota ASEAN.

Beliau menjelaskan, mengambil kira hubungan penting antara industri dan TVET, Mesyuarat

Pegawai-pegawai Tinggi (HOM) Ke-4 mengenai SEA-TVET di Filipina pada tahun 2018 dan HOM Ke-5 di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2019 mengesyorkan penyelidikan mengenai kesediaan industri dan institusi TVET untuk IR 4.0 dijalankan.

"Saya juga gembira mengambil tahu bahawa projek penyelidikan ini mendapat sokongan padu daripada Sekretariat SEAMEO, Ahli Lembaga Pengarah SEAMEO VOCTECH, SEAMEO Sister Centres, universiti-universiti, dan agensi pembangunan seperti GIZ-RECOTVET dan UNESCO Bangkok, serta rakan kongsi industri seperti Labtech International dan FESTO Didactic," ujarnya lagi.

Pada majlis tersebut, seramai 24 peserta dari sembilan Negara Anggota SEAMEO iaitu Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Viet Nam hari ini menamatkan Program Latihan Serantau dan Bengkel : 'Kesediaan institusi TVET untuk IR 4.0 di Asia Tenggara' yang diadakan selama tiga hari bermula 8 November baru-baru ini.

Bengkel tersebut merupakan kesinambungan bagi bengkel pertama yang diadakan pada 21 hingga 22 September lalu.

Objektif bengkel latihan adalah untuk membincangkan rancangan penyelidikan, mendapatkan maklum balas dan cadangan serta kemas kini daripada sembilan Negara Anggota SEAMEO yang mengambil bahagian, melalui pasukan penyelidik yang terdiri



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan ketika menyerahkan sijil kepada peserta pada Majlis Penutupan Program Latihan Serantau dan Bengkel : 'Kesediaan Institusi TVET untuk IR 4.0 di Asia Tenggara'.**

daripada ahli Lembaga Tadbir SEAMEO VOCTECH, pusat / unit SEAMEO yang lain, rakan kongsi universiti dan industri, mengenai perancangan dan persediaan untuk Projek Penyelidikan Serantau Inter-Centre Collaboration (ICC).

Juga hadir, Pengarah Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH, Awang Alias bin Haji Abu Bakar; Timbalan Pengarah Pentadbiran, SEAMEO VOCTECH, Pengiran Haji Mohd Sufri bin Pengiran Ali; Timbalan Pengarah Hal Ehwal Profesional, SEAMEO VOCTECH, Dr. Paryono; para coordinator serta pegawai dan kakitangan pusat berkenaan.



**PENGARAH Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH, Awang Alias bin Haji Abu Bakar.**



**PEMERINTAH Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Spry bin Haji Serudi @ Haji Seruji selaku ketua rombongan pada sesi bergambar ramai semasa West Pacific Naval Symposium (WPNS) Ke-18 dan International Fleet Review (IFR) 2022.**

Bangladesh, Kanada, India, Indonesia, Malaysia, New Zealand, Pakistan, Singapura, Thailand dan United Kingdom.

Pemerintah TLDB dan pemerintah-pemerintah tentera laut yang lain juga sama-sama memeriksa kapal dalam acara IFR tersebut.

Antara aktiviti yang diadakan sempena IFR ini ialah Latihan Mencari dan Menyelamat. Dalam masa yang sama,

## TLDB sertai WPNS Ke-18

semasa kapal-kapal berada di pelabuhan, aktiviti-aktiviti lain, seperti perarakan bandaraya, interaksi sukan dan lawatan ke kapal-kapal juga turut diadakan.

Sejurus selepas acara IFR diadakan, WPNS Ke-18 telah dirasmikan pada 7 November 2022 oleh Laksamana Ryo Sakai, Chief of Staff, JMSDF di Yokohama Royal Park Hotel.

Mesyuarat tersebut dijalankan selama dua hari dari 7 hingga 8 November 2022 di mana pemerintah-pemerintah tentera laut dirantau Pasifik Barat membentangkan hal-hal kepentingan bersama sejarah dengan tema 'Free and Open Ocean for the Next Generation'.

Semasa mesyuarat tersebut dijalankan, Pemerintah TLDB berpeluang untuk mengadakan mesyuarat dua hala bersama Chief of Staff JMSDF, Laksamana Ryo Sakai, Pemerintah Tentera Laut Diraja Thai, Laksamana

Chernghai Chomcherngpat, Pemangku Pemerintah Tentera Laut Republik Filipina, Laksamana Muda Caesar Bernard N. Valencia dan juga Pemerintah Tentera Laut Republik Singapura, Laksamana Muda Aaron Beng.

Mesyuarat WPNS diadakan setiap dua tahun yang bermula sejak tahun 1988 bagi menyatukan tentera laut Pasifik Barat dalam usaha bagi menyelaraskan dan membincangkan hal-hal kepentingan bersama yang bertujuan untuk menangani cabaran-cabaran yang sama. Mesyuarat WPNS Ke-19 akan dihoskan oleh People's Liberation Army - Navy (China).

Selaras dengan objektif WPNS Ke-18, Tentera Laut Diraja Brunei menegaskan kerjasamanya dalam membina, mengukuhkan dan mengekalkan hubungan dan interoperability di antara semua peserta-peserta ke arah lautan serantau yang aman dan damai.

KDB DARULEHSAN telah



**ANTARA kapal tentera laut yang menyertai acara IFR 2022.**

# MEMBENTUK BELIA SEBAGAI PENGGERAK, PELAKSANA PROJEK YANG BAIK, TERATUR



PENGARAH Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim pada Majlis Penyampaian Sijil Kursus Kepimpinan Pergerakan Belia 2022 : Pengurusan Projek Belia.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Hamzah Mohidin

**TEMBURONG**, Khamis, 10 November. - Jabatan Belia dan Sukan mengadakan Kursus Kepimpinan Pergerakan Belia 2022 : Pengurusan Projek Belia selama dua hari, bermula dari 9 hingga 10 November 2022, di Pusat Belia, Daerah Temburong.

Turut menjayakan kursus tersebut selaku Rakan Strategik, Persatuan Society for Community, Outreach & Training (SCOT).

Berikutnya itu, Majlis Penyampaian Sijil Kursus Kepimpinan Pergerakan Belia 2022 : Pengurusan Projek Belia diadakan dan hadir selaku tetamu

kehormat, Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah, dipimpin oleh belia dari Majlis AIDS, Awangku Muah. Haziq bin Pengiran Haji Muhd. Japar, diikuti dengan pembentangan kertas kerja oleh para peserta mengikut kumpulan masing-masing.

Tetamu kehormat pada majlis itu juga menyempurnakan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta kursus.

Seramai 26 belia, 13 lelaki dan 13 perempuan, berumur di antara



PEMBENTANGAN kertas kerja oleh peserta mengikut kumpulan masing-masing.

18 hingga 35 tahun menyertai kursus pada sesi pertama, di mana keutamaan diberikan kepada belia yang bergiat aktif di dalam pergerakan belia, sama ada persatuan belia, kelab belia, kumpulan belia masjid, belia Majlis Perundingan Kampung (MPK), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan usahawan sosial.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan diselanjurkan dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat.

Kursus Kepimpinan Pergerakan Belia merupakan program tahunan yang dijalankan oleh Jabatan Belia

dan Sukan bermula pada tahun 2019.

Kursus tersebut diadakan sebanyak empat kali dengan kerjasama Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) dengan tujuan untuk meningkatkan kebolehan kepimpinan yang sedia ada dalam diri belia melalui *experiential learning*, di OBBD.

Pada tahun ini, sebagai salah satu inisiatif bagi mengerak serta mengaktifkan persatuan dan pergerakan belia, Kursus Kepimpinan Pergerakan Belia buat julung-julung kalinya mengetengahkan pengenalan

asas pengurusan projek belia, yang diadakan sebanyak dua sesi, iaitu sesi pertama bagi belia Daerah Brunei dan Muara; dan Daerah Temburong, pada 9 dan 10 November 2022, di Pusat Belia, Daerah Temburong; dan sesi kedua bagi belia Daerah Tutong; dan Daerah Belait, pada 23 dan 24 November 2022 nanti, di Pusat Belia, Daerah Tutong.

Antara lain objektif kursus diadakan adalah untuk memberikan ilmu pengetahuan asas dalam pengurusan projek, khususnya dalam membuat kertas kerja, peruntukan, garis masa dan laporan, di samping membentuk belia menjadi penggerak serta pelaksana projek yang baik dan teratur serta meningkatkan kebolehan belia untuk bekerja secara berkumpulan.

Dengan bimbingan, dorongan dan latihan yang diberikan melalui kursus ini, pihak jabatan berharap ia dapat membantu, seterusnya menyuntik semangat para belia untuk terus bergiat aktif dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti dengan teratur dan bersistematik, di samping bergerak rapat bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku rakan strategik, dalam membangun dan memperkasa belia di negara ini, khususnya dalam mencapai matlamat Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035.

## Lahirkan pegawai, kakitangan masjid yang cemerlang, dinamik, berkualiti



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri pada Sesi Dialog Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid bersama Pegawai-pegawai Masjid yang baru berkhidmat dari Tahun 2019 hingga 2022 (atas), sementara gambar kanan dan bawah, antara yang hadir pada sesi dialog tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama



Pengarah Hal Ehwal Masjid.

Selain itu, meningkatkan kredibiliti pegawai dan kakitangan masjid dalam mentadbir sesebuah masjid.

Di samping dapat meningkatkan penghayatan pegawai dan kakitangan masjid akan tugas serta tanggungjawab sebagai seorang pemimpin ugama.

Acara juga dihasrat dapat melahirkan pegawai dan kakitangan masjid yang cemerlang, dinamik serta berkualiti.

Perjumpaan ini juga bertujuan bertukar-tukar fikiran dalam mencari cara yang terbaik, dalam mengimarahkan masjid, sekali gus memantau masalah-masalah yang dihadapi semasa bertugas, di masjid masing-masing.

Acara pada hari tersebut dimulakan dengan bacaan Surah



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 10 November. - Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM),

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Sesi Dialog Pemangku Pengarah Hal Ehwal

Masjid bersama Pegawai-pegawai Masjid yang baru berkhidmat dari Tahun 2019 hingga 2022.

Seramai 96 Pegawai Masjid baharu menghadirinya, yang berlangsung di Dewan Serbaguna Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Hadir, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Turut hadir, Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali, Ketua-ketua Bahagian, Pegawai-pegawai dan Kakitangan dari JHEM.

Antara tujuan Sesi Dialog tersebut diadakan adalah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim serta menjalin ukhuwah bersama pegawai dan kakitangan masjid bersama Pemangku

Al-Fatiyah dan Doa, dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Belait, Awang Akup bin Haji Lamat, diikuti selepas itu ucapan daripada Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid dan diteruskan dengan Sesi Dialog.

Dengan adanya acara seumpama ini diharap akan dapat memberi manfaat dan ilmu pengetahuan yang berguna kepada Pegawai-pegawai Masjid, dalam meningkatkan lagi kredibiliti mereka sebagai seorang pemimpin masjid yang cemerlang dalam segenap bidang pengurusan sebuah masjid, yang bukan hanya menjadikan masjid sebagai pusat peribadatan, bahkan merangkumi semua aspek yang berguna bagi sebuah masyarakat.

# MENGAKTIFKAN PENYELIDIKAN BUDAYA



Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



**PEMANGKU** Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab ketika menyampaikan ucapan alu-aluan.

**TUTONG**, Khamis, 10 November. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan akan mengungkapkan Projek Penyelidikan Bahasa dan Kalimat Tua sebagai satu lagi upaya untuk mengerakaktifkan penyelidikan budaya dan seterusnya mendokumentasikan hasil pengumpulannya. Projek ini dirancang akan mula dilaksanakan pada Disember 2022.

Pengungkahan projek penyelidikan ini juga adalah sebagai usaha untuk menjelajaki kewujudan bahasa dan kalimat tua yang pernah dituturkan dan digunakan oleh masyarakat Brunei untuk diperkenalkan semula menerusi pendokumentasian.

Selain itu, mengetahahkan dan menyerlahkan semula bahasa dan kalimat tua yang boleh diangkat dan distandardisasikan dalam penggunaan bahasa Melayu pada ketika kini dan akan datang serta berusaha, memelihara dan

mendokumentasi khazanah seni budaya bangsa.

Projek Penyelidikan Bahasa dan Kalimat Tua ini akan menumpukan kajian lapangan iaitu menemui bual informan-informan yang dikenal pasti dari kesemua daerah.

Pelaksanaan projek ini dirancang menerusi penyelidikan kepustakaan pada November dan Disember 2022, iaitu Penyelidikan Lapangan di Daerah Belait pada Januari dan Februari 2023, manakala Penyelidikan Lapangan di Daerah Brunei dan Muara dari Mac hingga Jun 2023.

Seterusnya, Penyelidikan Lapangan di Daerah Temburong pada Julai dan Ogos 2023 dan Penyelidikan Lapangan di Daerah Tutong pada September dan Ogos 2023.

Taklimat bersama Penghulu Mukim dan Ketua Kampung serta warga emas dari kesemua daerah diadakan bagi memberikan penerangan yang jelas mengenai projek penyelidikan yang dilaksanakan untuk sama-sama membantu mendapatkan informan-informan penyelidikan di setiap daerah.

Bagi Daerah Tutong, taklimat diadakan pada hari ini bertempat Perpustakaan DBP, Tutong.

Hadir selaku tetamu khas bagi setiap taklimat dan seterusnya menyampaikan ucapan alu-aluan ialah Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

Penerangan mengenai Projek Penyelidikan Bahasa dan Kalimat Tua akan disampaikan oleh Ketua Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit.

Seterusnya, penghuraian mengenai bahasa dan kalimat tua akan diterangkan oleh Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Bakyr dan Profesor Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid, Pakar Rujuk.



## Suntik semangat cintai Al-Quran



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**MADANG**, Khamis, 10 November. - Seramai 513 bakal Graduan dari Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran bersempena Majlis Konvokesyen IBTE Kali Ke-30, yang berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Madang, di sini.

Daripada jumlah tersebut, seramai 211 bakal graduan lelaki dan 302 bakal graduan perempuan dari pelbagai program menyertai majlis berkenaan.

Hadir, Pengurus Sabli Group of Companies, Awang Haji Abdul Aziz.

Bacaan Takhtim dan Doa

Hamid @ Haji Sabli bin Haji Arshad selaku Ahli Lembaga Pengelola.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Selawat Tafrijiyah beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh Awang Haji Abdul Hamid @ Haji Sabli.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan bacaan surah-surah daripada para peserta khatam, diketuai oleh Pelajar dari IBTE Kampus Jefri Bolkiah, Awang Abdul Azmi Rajae bin Haji Abdul Aziz.

Bacaan Takhtim dan Doa

Khatam Al-Quran pula dibacakan oleh Pelajar IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal, Awang Muhammad Hisyamuddin bin Haji Sarudin.

Acara turut diserikan dengan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran yang dibacakan oleh Pelajar IBTE Kampus Nakhoda Ragam, Awang Muhammad Faris Abid bin Haji Mohammad Azmi.

Majlis tersebut merupakan salah satu acara tahunan sempena majlis konvokesyen bertujuan untuk menyuntikkan semangat dalam jiwa pelajar untuk mencintai Al-Quran dan membudayakan amalan membaca Al-Quran dalam kehidupan seharian.



**PENGERUSI** Sabli Group of Companies, Awang Haji Abdul Hamid @ Haji Sabli bin Haji Arshad selaku Ahli Lembaga Pengelola dan para bakal graduan yang diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran bersempena Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kali Ke-30 (atas, kiri dan bawah).



# HALAL PRODUCT INNOVATION SHOWCASE UNISSA PAMERKAN LEBIH 50 PROJEK BERKUALITI



ANTARA projek yang ditampilkan pada Halal Product Innovation Showcase 2022, yang dianjurkan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban dengan kerjasama Fakulti Pertanian (atas dan kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**TUTONG**, Khamis, 10 November. - Halal Product Innovation Showcase 2022, baru-baru ini, dianjurkan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) dengan kerjasama Fakulti Pertanian, menampilkan 54 projek mahasiswa.

Pameran mengambil tempat di

UNISSA, Kampus Sinaut, Tutong dan berlangsung selama dua hari, bermula 7 hingga 8 November 2022, dari jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa, diikuti dengan ucapan perasmian oleh Pengarah PPHT, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim merangkap Pengerusi



pameran tahun ini.

Dalam ucapan perasmianya, Pengarah PPHT menekankan, bahawa pameran berkenaan menjurus ke arah menyediakan platform kepada mahasiswa untuk memperkenalkan produk, projek dan kreativiti serta idea inovatif mereka kepada orang ramai.

Turut hadir menyaksikan pameran ialah institusi pengajian tinggi, sekolah menengah dan

rendah serta kakitangan dan mahasiswa universiti.

Daripada 54 projek tersebut, 12 produk halal inovatif dipamerkan oleh mahasiswa kursus modul Objective of Islamic in Halal Industry; lapan projek daripada mahasiswa kursus modul Logistik Halal; 11 projek daripada mahasiswa kursus modul Halal Consumerism; 12 projek daripada mahasiswa kursus modul

Introduction to the Science of Halalan Thayyiban; 10 projek daripada modul Philosophy of Halalan Thayyiban; dan satu projek yang diketengahkan oleh mahasiswa Fakulti Pertanian.

Diharap pameran tersebut akan menjadi acara tahunan, yang dianjurkan oleh PPHT, bertujuan untuk meraikan pencapaian mahasiswa dengan menonjolkan projek mereka yang berkualiti.

## Pupuk pemikiran kreatif, nilai keusahawanan



■ Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 11 November. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui anjuran bersama Fakulti Syariah dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar mengungkayahkan Hari Keusahawanan KUPU SB (kiri, kanan dan bawah kiri).

bermula hari ini hingga esok, 12 November 2022, di kawasan kolej berkenaan.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk mengunjungi Hari Keusahawanan KUPU SB tersebut, bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi; dan 2.00 petang hingga 4.30 petang, pada Jumaat, manakala jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang, pada Sabtu.

Hari Keusahawanan berkenaan

mengetengahkan 65 petak jualan pelbagai aneka makanan, minuman dan produk yang melibatkan para Mahasiswa KUPU SB dan pengusaha luar.

Juga diadakan, pameran yang disertai oleh pelbagai agensi, termasuk Pusat Da'wah Islamiah, Bank Islam Brunei Darussalam, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Darussalam Holdings Sendirian Berhad, Insurans Islam TAIB, Basmalah Enterprise, Sablis dan Al-Minhaj Centre.

Selain itu, Hari Keusahawanan juga turut dimeriahkan dengan acara-acara pentas, seperti persembahan Tausyeh, hadrah dan sketsa serta sesi perkongsian daripada agensi luar.

Antara matlamat Hari Keusahawanan tersebut adalah bagi memenuhi hasrat KUPU SB, dalam mewujudkan pendidikan yang seimbang dan menyeluruh agar para pelajar boleh menjadi pendidik profesional yang lebih matang serta berdaya saing.

Di samping itu, ia diharap dapat memberi pendedahan mengenai aspek teori dan amalan, terutamanya dari segi keusahawanan agar boleh melengkapkan pelajar menjadi pemimpin serba boleh serta berwawasan.

Objektif lain, termasuk memupuk minat berniaga, semangat bekerjasama dan pemikiran kreatif serta nilai-nilai keusahawanan dalam kalangan pelajar.



## 170 pelatih dirai pada Majlis Khatam Al-Quran

» Muka 14

Dalam temu bual bersama Timbalan Kem Komandan Latihan PKBN, Mejar (B) Sopian bin Haji Mohammad Yassin menjelaskan, para pelatih telah menjalani latihan Program Jati Diri selama 90 hari bermula dari 20 Ogos 2022 hingga 17 November 2022 ini.

Mereka yang mengikuti latihan berkenaan tambahnya merupakan para pelajar IBTE yang menjalani jurusan ISQ dan iSkills ISO antaranya iSkills ISQ in Marking & Fitting, iSkills in Rigging, iSkills in Scaffolding and ISQ in Welding.

"InsyaaAllah melalui latihan dan kursus yang dijalani, akan dapat diguna pakai di tempat mereka ditugaskan nanti. Alhamdulillah, ini adalah kohort pertama dan maklum balas yang diterima daripada ahli keluarga para pelatih adalah positif terutamanya dari segi keugamaan dan kerohanian," ujarnya.

Menurut beliau lagi, sepanjang tempoh program berkenaan dijalankan, para pelajar didedahkan dengan beberapa komponen latihan seperti komponen jati diri, keugamaan dan kenegaraan; komponen disiplin dan latihan fizikal; komponen keusahawanan; dan komponen khidmat komuniti.

Majlis berkenaan dihasratkan sebagai landasan bagi para pelatih PJD untuk mengerjakan serta memantapkan pelbagai amal ibadah dan sekali gus mengukuhkan ciri-ciri kerohanian, keimanan dan ketakwaan mereka yang telah ditanamkan sepanjang jangka waktu mengikuti latihan PJD.

Majlis berkenaan telah berjaya memenuhi segala tujuan yang telah dihasratkan khususnya mewujudkan para pelatih PJD dan belia yang Syumul dan cemerlang ke arah mendukung konsep Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir.





سوروهنجاي فرخمن عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)


### PERINGATAN PENTING

1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



- 1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 ([WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN))
- 2 Lengkapkan Kelulusan (Reputasi / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
- 3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (IMPK) yang berlaku
- 4 Tandakan "✓" pada korak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
- 5 Lengkapkan Maklumat (Jurus / papirusan / Papirusan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / pelajaran profesional dan lain-lain yang diperlukan di dalam skim iklan)

2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.



+673 7371961 query@spa.gov.bn

Talian WhatsApp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



PSC.BN

	Jawatan, Tanda Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1	PEMBANTU KESIHATAN D.4-5 (BAHAGIAN IV) 2022/NOV/06	JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN ALAM SEKITAR, KEMENTERIAN KESIHATAN	02	7(A)	19 NOVEMBER 2022
2	PEMBANTU PERPUSTAKAAN TINGKAT II D 1-2 EB 3 (BAHAGIAN IV) 2022/NOV/07	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	03	7(A)	19 NOVEMBER 2022
3	AHLI BOMBA PELATIH (LELAKI) P.2 / P.1 (BAHAGIAN V) 2022/NOV/01	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	88	7(A)	19 NOVEMBER 2022
4	PEGAWAI HAL EHWAL MASJID B.2 / B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2022/NOV/02	JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	04	7(A)	21 NOVEMBER 2022
5	PENGUASA KASTAM KANAN B.2 / B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2022/NOV/08	JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	01	7(A)	21 NOVEMBER 2022
6	PENGUASA KASTAM C.3-4 EB 5 (BAHAGIAN III) 2022/NOV/04	JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	01	7(A)	21 NOVEMBER 2022
7	PEGAWAI PEMELIHARAAN TERNAKAN B.2 / B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2022/NOV/05	JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	01	7(A)	21 NOVEMBER 2022
8	KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF TINGKAT KHAS SUPERSCALE C (BAHAGIAN I) 2022/NOV/03	JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN, KEMENTERIAN KESIHATAN	01	38(A)	21 NOVEMBER 2022

PERINGATAN:  
 1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".  
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.  
 3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)



JABATAN DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

ADALAH dimaklumkan bahawa tawaran bagi mendapatkan ruang-ruang kosong Gerai Selera Tutong, Jalan Menteri Taib Tutong akan dibukakan kepada syarikat-syarikat francais dan syarikat persendirian mulai 1 November 2022 dan tarikh tutup adalah pada 30 November 2022 yang mana dibuka kepada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap

yang bermastautin di Daerah Tutong.

Jenis-jenis jualan yang ditetapkan adalah seperti minuman, masakan Melayu tempatan, masakan ala China / Thailand, masakan ala Arab / India, masakan segera (fastfood / francais) dan masakan ala Jepun / Korea.

Borang-borang permohonan dan keterangan lanjut mengenainya bolehlah diperoleh di Kaunter Unit Perlesenan, Jabatan Bandaran Tutong semasa waktu pejabat dan tarikh tutup penerimaan permohonan ialah pada **Rabu, 30 November 2022, jam 2.00 Petang** dan hendaklah dimasukkan di dalam Peti Tarawan Jabatan Bandaran Tutong.



### TAWARAN

**Bilangan Tawaran :**  
KK / 287 / 2022 / LAB(TC)

**Tajuk Tawaran :**  
To Supply And Deliver Of G6PD Qualitative Screening Kits for National Clinical Chemistry Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

**Bayaran Yuran Tawaran :**  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran :**  
KK / 289 / 2022 / ESTETMOH(TC)

**Tajuk Tawaran :**  
The Provision of Comprehensive Maintenance Services For Lifts At Department of Scientific Services for a Period of Five (5) Years

**Kelayakan Pemborong / Pembekal :**

Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan

**Kelas :**  
II dan Keatas

**Kategori :**  
KPME02

**Bayaran Yuran Tawaran :**  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran :**  
KK / 290 / 2022 / JPR (TC)

**Tajuk Tawaran :**

The Provision of Laundry Services for Rimba Dialysis Centre and Kiarong Dialysis Centre, Department of Renal Services for a Period of Three (3) years

**Bayaran Yuran Tawaran :**  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
22 November 2022,  
Jam 2.00 Petang



JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

### IKLAN

Tawaran Untuk Berniaga Di Pondok Jualan Di Pusat Pasaran, Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba, Gadong

**Bilangan :**  
10 / 2022 dan 11 / 2022

TAWARAN bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapkan permohonan bagi menyewa di Pondok Jualan seperti berikut :

**Lokasi :**  
Pusat Pasaran,  
Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba, Gadong,  
Daerah Brunei dan Muara.

**Keterangan Pondok :**  
B14 dan B16

**Syarat :**  
Bagi menjalankan

kegiatan penjualan tanaman hiasan, semaihan serta barang-barang input pertanian yang berkaitan

**Tempoh Iklan :**  
2 minggu

**Tarikh Mula Pembelian Borang :**  
Rabu,  
9 November 2022

**Tarikh Akhir Pembelian Borang :**  
Rabu,  
23 November 2022

**Tarikh Akhir Menghantar :**  
Khamis, 8 Disember 2022  
sebelum jam 3.00 Petang

**Harga Penjualan Borang :**  
BND1.00 / borang



**Kategori :**  
KPME05, E01 & E05

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
Isnin,  
26 November 2022,  
Jam 12.00 Tengah Hari

Tawaran Bagi Penyewaan Unit-Unit Ruang 'Food Court' Di Bangunan Hal-Ehwal Pelajar, Universiti Brunei Darussalam [Bagi Tempoh 3 Tahun]

**Bayaran Dokumen & Pentadbiran (Termasuk E-Dokumen) :**  
BND15.00  
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran :**  
UBD / E8 / 014 / 2022 – [T]

**Tajuk Tawaran :**  
Tawaran Bagi Penyewaan Unit-Unit Ruang 'Food Court'  
Di Bangunan Hal-Ehwal Pelajar, Universiti Brunei Darussalam [Bagi Tempoh 3 Tahun]

**Bayaran Dokumen & Pentadbiran (Termasuk E-Dokumen) :**  
BND15.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
29 November 2022,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang



PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan Sebut Harga :**  
SPA / BPK / 08 / 2022

**Tajuk Sebut Harga :**  
TAWARAN CADANGAN DAN SEBUT HARGA BAGI PEMERIKSAAN, PEMBAIKAN DAN PEMELIHARAAN SISTEM KESELAMATAN KEBAKARAN DI BANGUNAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

**Kelas :**  
I & II



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

**Bilangan Tawaran :**  
UBD / E8 / 013 / 2022 – [T]

**Tajuk Tawaran :**  
Re-Tender:  
Perkhidmatan Mesin Layan Sendiri (Vending Machines)  
Universiti Brunei Darussalam [Bagi Tempoh 3 Tahun]

**Bayaran Dokumen & Pentadbiran (Termasuk E-Dokumen) :**  
BND15.00  
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran :**  
UBD / E8 / 014 / 2022 – [T]

**Tajuk Tawaran :**  
Tawaran Bagi Penyewaan Unit-Unit Ruang 'Food Court'  
Di Bangunan Hal-Ehwal Pelajar, Universiti Brunei Darussalam [Bagi Tempoh 3 Tahun]

**Bayaran Dokumen & Pentadbiran (Termasuk E-Dokumen) :**  
BND15.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
29 November 2022,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang





JABATAN BELIA DAN SUKAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN

Pemberitahuan Iklan Tawaran

Bilangan Tawaran :  
(1) JBS / ADM / TDR / 03 / 2022

Tajuk Tawaran :  
SUPPLY AND DELIVERY OF  
GRANULAR NISSO-CHLON 65%  
CALCIUM HYPOCHLORIDE  
(65% DRY CHLORINE)  
OR EQUIVALENT FOR  
JABATAN BELIA DAN  
SUKAN SWIMMING POOL  
COMPLEXES CONTRACT



KEMENTERIAN HAL EHWAL  
UGAMA

JABATAN PENGAJIAN ISLAM,  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
UGAMA

TAWARAN RANCANGAN  
PEMAKANAN SEKOLAH ARAB  
DAN ASRAMA  
[BAHAGIAN PENYAJIAN  
MAKANAN DAN MINUMAN  
SECARA BERHIDANG DAN  
BERTAPAU]

Bilangan Tawaran :  
KHEU / JPI / PMM / SA  
TEMBURONG / 07

Nama Sekolah :  
Sekolah Arab Temburong,  
Daerah Temburong

Bayaran Dokumen :  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil  
Borang Tawaran :  
Isnin, 11 Jamadilawal 1444H /  
5 Disember 2022M

Tarikh Akhir Menghantar :  
Selasa, 12 Jamadilawal 1444H /  
6 Disember 2022M  
Sebelum jam 2.00 Petang



PERIOD OF ONE (1)  
YEAR, MINISTRY OF  
CULTURE YOUTH AND  
SPORTS,  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM

Bayaran Yuran Tawaran :  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :  
29 November 2022,  
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :  
(1) JBS / ADM / TDR / 04 / 2022

Tajuk Tawaran :  
PENYEWAAN  
KAFETERIA DI PUSAT BELIA,  
BANDAR SERI BEGAWAN  
BAGI TEMPOH LIMA (5)

TAHUN SECARA BERKONTRAK

Bayaran Yuran Tawaran :  
BND10.00(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa 13 Disember 2022,  
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

Bilangan Sebut Harga :  
01 / 2022 / 2023

Tajuk Sebut Harga :  
The Supply And Delivery Of  
Colour Laserjet A3 Printer For  
Department Of Town And  
Country Planning,  
Ministry Of Development

Bilangan Sebut Harga :  
02 / 2022 / 2023

Tajuk Sebut Harga :  
The Supply And Delivery Of GIS  
3D Analyst And Arcgis Pro For  
Department Of Town And  
Country Planning,  
Ministry Of Development

Tarikh Tutup :  
Selasa,  
15 November 2022,  
Tidak lewat dari jam  
2.00 Petang



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN

Bahagian Khidmat Bakti Negara  
[BKBN]

Kementerian Kebudayaan,  
Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :  
10 / OKTOBER / KKBS / BKBN /  
1.40 / 22 (R)

Tajuk Sebut Harga :  
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun  
Bagi Pembekalan Dan  
Perkhidmatan Menjahit Baju  
Cara Melayu Program Khidmat  
Bakti Negara (PKBN)

Tarikh Tutup :  
Khamis,  
17 November 2022,  
Tidak lewat jam  
2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG-PEMBORONG  
YANG BERDAFTAR  
DI DALAM

Kelas :  
III & IV sahaja

Kategori :KA01

Bilangan Tawaran :  
JKR / DOR / BBA 01 / 2022

Nama Projek :  
Pembinaan Jejantas  
Pejalai Kaki di  
Bukit Teraja,  
Daerah Belait,  
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :  
BND100.00

(Tidak dikembalikan)

Tarikh Mengambil Dokumen  
Tawaran :  
26 Oktober 2022

Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada :

Tidak lewat  
Selasa,  
29 November 2022,  
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa, 20 Disember 2022,  
Jam 2.00 Petang



JABATAN BANDARAN  
TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI

PEMBERITAHUAN TAWARAN

Bilangan Tawaran :  
JBT / S / 14 / 2022-2023

Tajuk Tawaran :  
PENGURUSAN DAN  
PENGENDALIAN ACARA  
TUTONG BUZZ PEKAN  
TUTONG



Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa,  
15 November 2022,  
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN

Bahagian Khidmat Bakti Negara  
[BKBN]  
Kementerian Kebudayaan,  
Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :  
11 / OKTOBER / KKBS / BKBN /  
1.40 / 22 (R)

Tajuk Sebut Harga :  
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun  
Bagi Pembekalan Dan  
Perkhidmatan Menjahit Baju  
Kurong Program Khidmat Bakti  
Negara (PKBN)

Tarikh Tutup :  
Khamis,  
17 November 2022



Tidak lewat jam  
2.00 Petang



KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

Bilangan Sebut Harga :  
01 / 2022 / 2023

Tajuk Sebut Harga :  
The Supply And Delivery Of  
Colour Laserjet A3 Printer For  
Department Of Town And  
Country Planning,  
Ministry Of Development

Bilangan Sebut Harga :  
02 / 2022 / 2023

Tajuk Sebut Harga :  
The Supply And Delivery Of GIS  
3D Analyst And Arcgis Pro For  
Department Of Town And  
Country Planning,  
Ministry Of Development

Tarikh Tutup :  
Selasa,  
15 November 2022,  
Tidak lewat dari jam  
2.00 Petang



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN

Bahagian Khidmat Bakti Negara  
[BKBN]

Kementerian Kebudayaan,  
Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :  
10 / OKTOBER / KKBS / BKBN /  
1.40 / 22 (R)

Tajuk Sebut Harga :  
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun  
Bagi Pembekalan Dan  
Perkhidmatan Menjahit Baju  
Cara Melayu Program Khidmat  
Bakti Negara (PKBN)

Tarikh Tutup :  
Khamis,  
17 November 2022,  
Tidak lewat jam  
2.00 Petang



## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)  
hendaklah dihantar dan diterima oleh  
Meja Iklan TIDAK kurang dari dua (2)  
minggu sebelum tarikh iklan  
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah  
dibaca juga menggunakan Microsoft  
Word dengan Font ARIAL saiz 12.



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh dijangka terbit, kekerapan terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :



E-MEL :  
**iklan.pbeinformation.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKI :  
**+673 8622969**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM

DI DALAM MAHKAMAH  
DI NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM  
DI BANDAR SERI BEGAWAN

KES NO. BCY / CP / 313 / 2005

STANDARD CHARTERED  
FINANCE (B) BERHAD  
- Pemutang Penghakiman /  
Pemetisyen

MUNAF BIN SULAIMAN  
(BYIC No. 00-057858 / Warrant  
Card No. 1426)  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **8 Jun 2006** telah

dibatalkan pada **3 September 2022**.

Nama Penghutang :  
MUNAF BIN SULAIMAN

Alamat Penghutang :  
No. 12, Blok G,  
Barek Polis, Berakas,  
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :  
6 Oktober 2022

KES NO. BCY / CP / 63 / 2013

BIBD AT-TAMWIL BERHAD  
- Pemutang Penghakiman /  
Pemetisyen

HARYATI BINTI SHAHBUDIN  
(BYIC No. 00-122594 / Warrant  
Card No. 2966)  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **20 Julai 2013** telah

dibatalkan pada **1 Oktober 2022**.

Nama Penghutang :  
HARYATI BINTI SHAHBUDIN

Alamat Penghutang :  
No. 1423, Kampung Lamunin,  
Tutong, TG2343,  
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :  
4 Oktober 2022

KES NO. BCY / CP / 362 / 2006

STANDARD CHARTERED  
FINANCE (B) BERHAD  
- Pemutang Penghakiman /  
Pemetisyen

SAID BIN HAJI AHMAD  
(BYIC No. 00-070653)  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **3 Mac 2007** telah dibatalkan pada **1 Oktober 2022**.

Nama Penghutang :  
SAID BIN HAJI AHMAD

Alamat Penghutang :  
No. 27, Jalan 129,  
RPN Rimba, Gadong BE3319,  
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :  
4 Oktober 2022

KES NO. BCY / CP / 390 / 2010

BAIDURI FINANCE BERHAD  
(Previously filed by HSBC  
Finance (B) Berhad)  
- Pemutang Penghakiman /  
Pemetisyen

NOORMASAFAAIRNMOKHRIN  
BIN MOHD SAINI  
(BYIC No. 00-128866)  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **6 Januari 2011** telah dibatalkan pada **1 Oktober 2022**.

Nama Penghutang :  
NOORMASAFAAIRNMOKHRIN  
BIN MOHD SAINI

Alamat Penghutang :  
No. 5, Barek Block F,  
Barek Balai Polis Muara, Muara  
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :  
4 Oktober 2022

HAJAH NORMAZDINA BINTI  
HAJI MD. MAKSUB  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar



Bilangan Sebut Harga :  
SPA / BPK / 09 / 2022

Tajuk Sebut Harga :  
PEMBEKALAN 4 UNIT  
WHITEBOARD WITH  
ADJUSTABLE MOBILE STAND  
DAN 1 UNIT WHITEBOARD  
WITH ALUMINIUM FRAME DI  
BANGUNAN SURUHANJAYA

#### PERKHIDMATAN AWAM

Tarikh Tutup Sebut Harga :  
Khamis, 24 November 2022,  
Jam 12.00 Tengah Hari



#### PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :  
MINDEF / DFA / FY2022 / MAB /  
TA / 12  
MAINTENANCE OF FIBER  
OPTIC INFRASTRUCTURE  
TUTONG CAMP - LUMUT CAMP,  
MINISTRY OF DEFENCE,  
BRUNEI DARUSSALAM

Yuran Tawaran :  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 22 November 2022.

Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa, 29 November 2022,  
Jam 2.00 Petang




Bilangan dan Tajuk  
Sebut Harga :  
001 / HQ / 2022-T (LELONG)

Keterangan Harta Benda :  
Kia Pregio 2.7 (M/T)

Jumlah :  
1

Harga Indikasi :  
BND1,500.00

Caj Borang :  
BND2.00



Tarikh Tutup :  
Isnin,  
21 November 2022  
Jam 10.00 Pagi



Flame Brunei  
PELITA BRUNEI



KEMENTERIAN PERTAHANAN

PENDAFTARAN BAKAL-BAKAL  
REKRUT LELAKI  
PENGAMBILAN KE-171  
ANGKATAN BERSENJATA  
DIRAJA BRUNEI

PENDAFTARAN sekarang dibuka untuk mencebur kerjaya tentera sebagai bakal Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-171 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mengikut syarat-syarat kemasukan yang telah ditetapkan.

KHEU / JPI / KANTIN / 15 / 06

Nama Sekolah Ugama :  
SEKOLAH UGAMA MADANG,  
KAWASAN BRUNEI II A

#### DAERAH TUTONG

1) No. Tawaran :  
KHEU / JPI / KANTIN / 35 / 06

Nama Sekolah Ugama :  
SEKOLAH UGAMA TUMPUAN  
TELISAI, KG TELISAI,  
TUTONG II

BAYARAN : BND5.00

Tarikh Tutup :



Rabu, 28 Rabiulakhir 1444H /  
23 November 2022M  
Sebelum jam 2.00 Petang

#### NOTIS SEBTU HARGA

Bilangan Sebtu Harga :  
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2022 / Q26

Tajuk Sebtu Harga :  
INVITATION TO SUPPLY  
BARRACUDA BACKUP  
SERVER LICENSE RENEWAL  
FOR 1 YEAR  
(17/03/2023 - 16/03/2023)

Bilangan Sebtu Harga :

TAWARAN PERKHIDMATAN  
BAGI SEKOLAH-SEKOLAH  
UGAMA, JABATAN PENGAJIAN  
ISLAM, KEMENTERIAN HAL  
EHWAL UGAMA BAGI TEMPOH  
TIGA (03) TAHUN

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1) No. Tawaran :



KPN / IT / 002 / 02.7 / 2022 / Q27

Tajuk Sebtu Harga :  
INVITATION TO SUPPLY  
FLOWAVE MOD PORTAL  
LICENSE RENEWAL FOR 1  
YEAR (01/03/2023 - 28/02/2024)

Bayaran Sebtu Harga :  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka :  
Isnin,  
7 November 2022

Tarikh Akhir Pembelian Dan  
Pembayaran :  
Khamis,  
17 November 2022




Tarikh Tutup :  
Isnin,  
21 November 2022,  
Sebelum 9.00 Pagi

#### NOTIS SEBTU HARGA

Bilangan Sebtu Harga :  
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2022 / Q26

Tajuk Sebtu Harga :  
INVITATION TO SUPPLY  
BARRACUDA BACKUP  
SERVER LICENSE RENEWAL  
FOR 1 YEAR  
(17/03/2023 - 16/03/2023)

Bilangan Sebtu Harga :



# 30 PESERTA TAMATKAN BENGKEL PENGUCAPAN UMUM



Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 10 November. - Seramai 30 orang peserta terdiri daripada da'ie bertaullah Majlis Ugama Islam Brunei hari ini menamatkan Bengkel Pengucapan Umum yang diadakan selama empat hari.

Sehubungan itu, Pusat Da'wah

Islamiah (PDI) melalui Bahagian Penyebaran Da'wah (Ceramah) pagi tadi mengadakan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi bengkel tersebut berlangsung di Dewan Serbaguna, pusat berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan



PEGAWAI Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman menyampaikan sijil kepada peserta Bengkel Pengucapan Umum (atas dan kiri).

sijil kepada para peserta ialah Pegawai Ugama Kanan, PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman.

Bengkel Pengucapan Umum yang diadakan selama empat hari bermula 7 November lalu itu dimudah cara oleh Dekan Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan,

Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar.

Objektif utama bengkel ialah untuk melahirkan bakal da'ie

tempatan yang berkebolehan dan sekali gus menjadi pelapis da'ie pada masa akan datang.

Pengisian bengkel antara lain menerangkan kepada peserta mengenai elemen penting dan teknik yang berkesan dalam pengucapan umum serta memberikan bimbingan asas bagaimana membuat persediaan menjadi seorang da'ie yang memiliki kredibiliti dan sahsiah seorang pendakwah.

Selain itu, bengkel juga mengongsikan garis pandu metodologi dakwah dan membina kemahiran mengendalikan forum.

Dengan adanya bengkel itu diharapkan akan dapat melahirkan bakal da'ie yang berkualiti dan berpotensi serta dapat mengaplikasikan teknik penyampaian dakwah yang lebih berkesan kepada masyarakat.

## Tanai tanggungjawab bersama



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Ihsan Awang Raimi Rashid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 10 November. - Mengelingka, memeduli dan mengambil berat terhadap kampung adalah tanggungjawab bersama bukan sahaja Ahli Kejiraninan Kampung malah semua penduduk dan masyarakat.

Pemangku Ketua Kampung Zon 3, Mukim Zon 2 Kampong Ayer,

Awang Raimi bin Awang Rashid semasa ditemu bual menyuru kepada anak buah kampung agar memberikan maklumat mengenai apa sahaja aktiviti yang tidak bermoral seperti jenayah dan sebagainya demi sama-sama menjaga keharmonian dan kesejahteraan kampung.

Awang Raimi dan beberapa anak

PEMANGKU Ketua Kampung Zon 3, Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid dan beberapa anak buah kampung bersama agensi berkepentingan menjalankan pemantauan kawasan kampung Zon 3, Mukim Zon 3 dalam Pengawasan Kejiraninan Kampung untuk diperaktikkan dari semasa ke semasa (kiri dan bawah kiri).

bah kampung bersama agensi berkepentingan baru-baru ini menjalankan pemantauan kawasan kampung Zon 3, Mukim Zon 3 dalam Pengawasan Kejiraninan Kampung untuk diperaktikkan dari semasa ke semasa.

Selain bagi keselesaan para penduduk, Pengawasan Kejiraninan Kampung itu juga mengeratkan lagi hubungan yang baik dengan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama Ahli-ahli Pengawas Kejiraninan Kampung.

Justeru, Awang Raimi merancang untuk diadakan rondaan sekurang-kurangnya sebulan sekali bagi memantau keadaan kampung dan juga akan mengadakan beberapa aktiviti lain seperti kempen kebersihan, keagamaan dan sebagainya.

Adapun Pengawasan Kejiraninan juga bertujuan untuk menanam kefahaman dan kesedaran dalam kalangan orang ramai tentang menjaga keamanan dan kestabilan negara.

Ia juga sebagai gandingan di antara orang ramai dan PPDB dalam mencegah berlakunya jenayah secara berleluasa serta melakukan kawalan keselamatan secara sukarela.



## Lelaki tempatan terlepas tuduhan mencabul

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 11 November. - Seorang lelaki tempatan terlepas daripada pertuduhan mencabul kehormatan seorang lelaki yang berusia 22 tahun selepas Mahkamah Majistret di sini hari ini mendapat saksi utama kes berkenaan tidak boleh dipercayai.

Defendant, Haji Paizzal bin Haji Piluk, berusia 35 tahun pada mulanya didakwa di bawah Seksyen 354B Kanun Hukuman Jenayah pada 17 November 2020.

Pada mulanya Mahkamah Perantaraan telah mendengar kes berkenaan tetapi kemudian memindahkan semula ke Mahkamah Majistret untuk dibicarakan apabila pihak pendakwaan menggantikan pertuduhan berkenaan dengan satu pertuduhan di bawah Seksyen 354.

Dalam pertuduhan, defendant didakwa telah mencabul kehormatan seorang lelaki berusia 22 tahun dengan melakukan serangan seksual terhadapnya antara 1 Januari dan 10 November 2020.

Majistret Kanan, Pengiran Hazirah binti Pengiran Haji Mohd Yusof, yang mengetuai perbicaraan berkenaan, menyaksikan Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Rozaimah binti Haji Abdul Rahman mengemukakan lima saksi untuk membuktikan kes pendakwaan.

Defendant, Haji Paizzal sendiri memberi keterangan dan memanggil seorang saksi lain.

Majistret Kanan telah menilai keterangan daripada kedua-dua belah pihak dan mendapati saksi pendakwaan pertama dan kedua tidak boleh dipercayai dan memutuskan bahawa pendakwaan tidak membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah yang akhirnya membawa kepada pembebasan Haji Paizzal.

Walau bagaimanapun, mahkamah juga mendapat terdapat percanggahan dalam kenyataan pihak polis, defendant dan keterangan mahkamah sebelum ini.

Defendant diwakili oleh Peguam Pengiran Khairul Nizam bin Pengiran Haji Mohd. Yassin dari Messrs Yusof Halim & Partners.

# POLITEKNIK BRUNEI METERAI KERJASAMA

Siaran Akhbar dan Foto : Politeknik Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 9 November. - Politeknik Brunei (PB) menandakan lagi satu kejayaan di mana institut berkenaan telah menandatangani surat kerjasama yang pertama bersama dengan The Institute of Technical Education (ITE).

Penandatanganan kerjasama tersebut diadakan secara dalam talian di PB dan ITE di Singapura. Menandatangani bagi pihak PB ialah Pemangku Pengarah PB, Awang Lim Kian Boon manakala ITE diwakili oleh Principal ITE College Central, Suresh Natarajan.

Penandatanganan tersebut disaksikan oleh Senior Director, School of Engineering, ITE College Central, Dr. Lim See Yew dan Head of School, School of Science and Engineering PB, Haji Mohammad Reizal bin Mohammad Ali.

Melalui kerjasama ini, PB dan ITE akan meningkatkan lagi dalam

bidang pertukaran pelajar berdasarkan budaya, sosial, pengalaman penggunaan teknologi dan Penyelidikan Gunaan Teknologi Pendidikan Industri 4.0 khususnya dalam penggunaan dua bidang iaitu Artificial Intelligence - Enabled Marking Computer Aided Drawing (AMCAD) dan Mixed Reality Telemetry for Machine Operations.

Majlis Penandatanganan tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan diikuti dengan bacaan Doa Selamat. ITE ditubuhkan sebagai institusi pasca menengah pada tahun 1992, di bawah Kementerian Pendidikan Singapura.

ITE merupakan penyedia utama pendidikan kerja dan teknikal serta pembangunan utama pensijilan kemahiran nasional dan piawaian kemahiran Singapura untuk ekonomi masa depan.

Ia menawarkan tiga program

utama iaitu pertama, Latihan Pra-Pekerjaan untuk belia selepas pendidikan menengah; kedua, Pendidikan dan Latihan Berterusan untuk pelajar dewasa dan ketiga, Program Pembelajaran di Tempat Kerja dan Belajar Bekerja dengan majikan.

Di bawah 'One ITE System, Three Colleges' Governance Model, ITE mempunyai tiga buah kolej iaitu ITE College Central, ITE College East dan ITE College West.

Sementara itu, PB memulakan operasinya pada Januari 2012 sebagai Politeknik pertama di Negara Brunei Darussalam yang menyampaikan pendidikan dan latihan teknikal yang berkualiti tinggi untuk negara bagi mempercepatkan pertumbuhan tenaga kerja yang cekap dan berkemahiran.

ITE merupakan sebuah institut pengajian tinggi yang diiktiraf di bawah Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam,



**MENDATANGANI** bagi pihak Politeknik Brunei (PB), Pemangku Pengarah PB, Awang Lim Kian Boon, disaksikan oleh Head of School, School of Science and Engineering PB, Haji Mohammad Reizal bin Mohammad Ali.

menyampaikan program Diploma Tahap 5.

PB berhasrat untuk melengkapkan pelajarnya dengan kemahiran Abad Ke-21 yang mampu melalui pendidikan holistik dan berkualiti dalam persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang menyokong dan kondusif.

## Taklimat pembarigaan NHANSS-3



Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG**, Rabu, 9 November. - Kaji Selidik Status Kesihatan dan Pemakanan Kebangsaan Ke-3, atau NHANSS-3 bertujuan untuk mengenal pasti status kesihatan dan pemakanan dalam kalangan kanak-kanak, remaja dan orang

dewasa, untuk memberi gambaran penuh terhadap kelaziman Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit (NCD) serta faktor-faktor risikonya.

Kaji selidik tersebut mengandungi dua fasa, iaitu Fasa Pertama bermula 2 November

**KEMENTERIAN KESIHATAN** mengadakan taklimat bagi membarigakan NHANSS-3 kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung di Daerah Tutong (kiri dan kanan).

2022 hingga Januari 2023, yang akan memfokuskan kepada faktor-faktor risiko umum dalam kalangan orang dewasa yang berumur di antara 18 hingga 69 tahun.

Manakala, Fasa Kedua akan bermula pada bulan Februari hingga Mei 2023 yang menyasarkan isu-isu berkaitan dengan kesihatan kanak-kanak dan para wanita.

Bagi kedua-dua fasa ini, penyelidik terlatih akan mengunjungi rumah-rumah yang terpilih di keempat-empat daerah untuk menemu bual ahli keluarga yang terpilih dan menjalankan pemeriksaan tertentu.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan mengadakan taklimat bagi membarigakan NHANSS-3



kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung di Daerah Tutong bertempat di Dewan Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong, di sini.

Pengisian taklimat telah disampaikan oleh Pegawai Perubatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Norzawani binti Awang Ishak.

Data yang diperoleh dari kaji selidik tersebut akan membantu Kementerian Kesihatan dalam memastikan kelaziman (*prevalence*) dan trend NCD serta faktor-faktor risikonya dalam

kalangan rakyat dan penduduk negara ini, khususnya yang berkaitan dengan pemakanan.

Ia juga akan digunakan untuk membuat perancangan selanjutnya dalam menangani NCD serta faktor-faktor risikonya sama ada dari segi dasar maupun inisiatif-inisiatif.

Orang ramai yang terpilih dipohonkan untuk memberikan kerjasama bagi menjayakan kaji selidik tersebut bagi membantu Kementerian Kesihatan dalam mencegah kematian pramatang akibat NCD.

**KETAHUI SUMBER GARAM AWDA**

GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM

**TIPS**

- Pilih makanan segar dan tidak berproses
- Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
- Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
- Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
- Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

Makanan	Sodium (mg)
1/2 mangkus Mee Segera	1385 mg
1 mangkus Soto Telur Masin	1000 mg
1 mangkus Kicap	880 mg
3/4 mangkus Corned Beef	376 mg
1 mangkus Keropok Ubi Kentang	295 mg
1 mangkus Keropok Udang Tempatan	243 mg
2 mangkus Kentang Goreng	120 mg
1 mangkus Kacang Tanah (Salted)	116 mg
1 mangkus Kraker Beras	15 mg
2 mangkus Amping	2.4 mg
1 mangkus Kacang Tanah (Unsalted)	1.7 mg
1 mangkus Pisang	1.2 mg

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok

pelita.brunei@information.gov.bn

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Tingkatkan Kesedaran Penyakit Tidak Berjangkit'. Tarikh Tutup : 16 November 2022
- 'Suburkan Budaya Bergotong-royong'. Tarikh Tutup : 23 November 2022
- 'Waspada Sindiket Penipuan Kewangan'. Tarikh Tutup : 30 November 2022

### TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi BND'75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# UBD TUNJUK PRESTASI KUKUH DALAM KEDUDUKAN LESTARI QS



QUACQUARELLI Symonds menilai bukti daripada kesan yang dibuat oleh alumni dalam sains dan teknologi untuk menyelesaikan isu iklim, kepada kesan penyelidikan yang dilakukan merentas 17 SDGs (atas, bawah sekali).



**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 9 November. - Quacquarelli Symonds (QS) telah mengumumkan kedudukan terkini universiti dunia mengenai kemampuan yang menunjukkan cara universiti di seluruh dunia mengambil tindakan untuk menangani cabaran alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) ketika universiti bersedia untuk menerajui rentak perubahan alam sekitar dan sosial melalui penyelidikan, pengajaran dan penglibatan masyarakat.

Dalam Kedudukan Lestari QS baru ini, Universiti Brunei Darussalam (UBD) berada di kedudukan 601 - 700 di dunia.

Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampar menyediakan pelan tindakan bersama keamanan dan kemakmuran untuk manusia dan planet ini, sekarang dan masa hadapan.

Di tengah-tengahnya adalah 17 Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals-SDGs) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), yang merupakan seruan segera untuk tindakan oleh semua negara dalam perkongsian global.

PBB mengiktiraf bahawa SDGs mesti seiring dengan strategi yang meningkatkan kesihatan dan pendidikan, mengurangkan ketidakseimbangan, dan memacu pertumbuhan ekonomi - semuanya bagi menangani perubahan iklim dan berusaha untuk memelihara laut dan hutan kita.

Kedudukan Lestari QS menyediakan lensa unik dengan institusi menunjukkan komitmen terhadap pembangunan mampan.

QS menilai bukti daripada kesan yang dibuat oleh alumni dalam sains dan teknologi untuk menyelesaikan isu iklim, kepada kesan penyelidikan yang dilakukan merentas 17 SDGs.

Ia menilai kesan sosial dan alam sekitar universiti sebagai pusat pendidikan dan penyelidikan, serta majikan utama dengan cabaran kemampuan operasi mana-mana organisasi besar dan kompleks.

Kedudukan berkenaan mempunyai dua kategori, iaitu Kesan Alam Sekitar; dan Kesan Sosial. Kategori Kesan Alam Sekitar melihat bagaimana institusi membentuk dan mempengaruhi dasar alam sekitar di peringkat nasional dan global melalui

biasiswa, pengajaran dan penyelidikan.

Melalui inovasi, pengetahuan dan budaya, universiti memainkan peranan penting dalam mempromosikan dan membentuk dunia yang lebih mampan dari segi alam sekitar.

Bagi kategori berkenaan, UBD menunjukkan prestasi paling kukuh dalam penunjuk Pendidikan Lestari.

Metric berkenaan terdiri daripada reputasi akademik universiti daripada Sains Bumi & Marin dan Sains Alam Sekitar, kesan alumni dalam sektor awam dan swasta yang berusaha untuk meningkatkan standard alam sekitar, mempunyai pembangunan mampan atau pusat penyelidikan berfokuskan iklim, dan ijazah dalam iklim dan mata pelajaran berkaitan alam sekitar.

Penunjuk prestasi lain termasuk Institusi Lestari dan Penyelidikan Lestari.

Dalam Kategori Kesan Sosial, institusi diukur berdasarkan kepada penglibatan mereka dalam isu keadilan sosial, memainkan peranan mereka dalam melaksanakan SDGs.

Penunjuk prestasi dalam kategori berkenaan mewakili pelbagai aspek kerja institusi dalam memastikan kemajuan sosial serta pendidikan berkualiti.

Daripada lima petunjuk prestasi dalam kategori berkenaan, UBD paling kukuh dalam impak pendidikan.

Penunjuk khusus berkenaan memberi tumpuan kepada sama ada kursus berkaitan ditawarkan dan sejauh mana ia memudahkan pelajar mempelajari mata pelajaran sejarah dengan pembangunan mampan.

Di samping itu, penunjuk berkenaan melihat kepada keupayaan untuk meletakkan pelajar ke dalam kerjaya yang berjaya memberi kesan kepada sektor kemampunan.

Penunjuk lain termasuk pekerjaan dan peluang, kesaksamaan, kualiti hidup dan pertukaran pengetahuan.

Prestasi UBD dalam penunjuk berkenaan menunjukkan lagi impak penyelidikan yang dijalankan di universiti, terutamanya melalui kerjasama rapat dengan universiti rakan kongsi terkemuka di seluruh dunia.

Kerjasama berkenaan telah menyaksikan ahli fakulti menyertai pasukan penyelidikan antarabangsa yang terkenal dalam pelbagai bidang, termasuk alam sekitar dan biodiversiti, kesaksamaan jantina, strategi pelancongan mampan serta kemiskinan.

Kerjasama erat antara ahli akademik dan agensi berkaitan terus memastikan penemuan menghasilkan penyelesaian dan pembangunan yang memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat.

Penyelidikan yang dijalankan di UBD, terdiri daripada grid pintar, kuasa bersih, boleh diperbaharui dan penyelesaian teknologi alam sekitar yang mampan, tindak balas kepada SDGs dan cabaran perubahan iklim dengan memanfaatkan pengetahuan dan kreativiti penyelidik, pelajar dan kerjasama antarabangsa.

Sementara itu, UBD terus mengekalkan kedudukannya sebagai salah satu universiti terkemuka di rantau ini dengan meletakkan tempat ke-71 dalam Kedudukan Universiti QS Asia

# PUISI

## Musim Hujan

Berjual tasbih batu marjan,  
Sembilan puluh sembilan bilangan angka;  
Bulan ini musim *pehujan*,  
Ada yang gembira juga berduka.

Ada tasbih bilangan tujuh,  
Digunakan jemaah untuk berumrah;  
Musim ini dipanggil tengkujuh,  
Cuaca sering berubah ubah.

Tasbih digunakan untuk berzikir,  
Hari *kandila* sebagai bukti;  
Ada kawasan dilanda banjir,  
Sebab hujan tiada berhenti.

Banyak berzikir seribu hikmat,  
Hati tenang tetapkan iman;  
Hujan juga membawa rahmat,  
Bumi menghijau suburkan tanaman.

Berzikir itu tuntutan Islami,  
Mengingat Allah bersifat Azali;  
Bila hujan basahi bumi,  
Tanaman kering subur kembali.

Selawat dan zikir jadikan azimat,  
Banyakkan berselawat di hari Jumaat;  
Hujan turun kurniakan rahmat,  
Datangkan keberkatan memberi manfaat.

"Dan Kami menurunkan daripada langit air yang berkat".  
- Surah Qaf ayat 9

Bentuk tasbih bermacam ukuran,  
Pilih saja yang masa selesa;  
Kadang hujan bawa amaran,  
Ujian dari yang Maha Berkusa.

Tasbih yang rosak boleh digubah,  
Marjan yang lama ditukar ambar;  
Hujan dan banjir datangkan musibah,  
Terima ujian tabah dan sabar.

Bertasbih berzikir jangan lelah,  
Mengingat Yang Esa sambil bertafakur;  
Hujan nikmat dan ujian Allah,  
Perbanyak istighfar harus bersyukur.

Nadi©

terkini.

Dalam kedudukannya pada edisi 2023, UBD meraih 9.3 peratus teratas dalam kalangan institusi di Asia dan ia berada dalam 10 peratus teratas pada tahun lepas. Peningkatan berkenaan menunjukkan terdapat penambahan seramai 37 peserta baharu dalam kedudukan berkenaan.

Pengumuman berkenaan juga menunjukkan bahawa UBD menduduki tempat ke-15 dalam kalangan universiti di Asia Tenggara.

Daripada penunjuk yang digunakan dalam Kedudukan, UBD mendapat markah tertinggi dalam Inbound Exchange dan ia menduduki tempat ke-2 di rantau ini.

Dalam penunjuk sepanjang Pertukaran Keluar, Fakulti Antarabangsa dan Pelajar Antarabangsa, UBD memperoleh 100 mata maksimum.

Berbanding pada tahun lepas, Reputasi Akademik dan Kertas Per-

Fakulti universiti juga menunjukkan peningkatan yang ketara.

Sebagai sebuah institut pengajian tinggi negara, UBD komited untuk menangani penunjuk SDG - daripada mendidik belia tentang cara mereka boleh menggunakan kebolehan dan bakat mereka untuk memastikan masa depan yang mampan dengan menjalankan penyelidikan berwawasan tentang cabaran dan keperluan lestari negara dan global.

Dengan sokongan dan bimbingan daripada kerajaan, sektor swasta dan masyarakat, penemuan masing-masing boleh digunakan untuk membangunkan dasar dan strategi yang berkesan untuk meningkatkan pembangunan mampan dan pertumbuhan ekonomi yang menyumbang kepada kemakmuran berterusan Negara Brunei Darussalam dan dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

# PRODUK ASSORTED CHEWY SWEETS MENGANDUNGI GELATIN KHINZIR

**■ Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 9 November. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa satu produk makanan, iaitu Assorted Chewy Sweets jenama Fruit-tella yang dijual di beberapa pasar raya di negara ini adalah mengandungi gelatin bersumberkan khinzir (*pork gelatine*).

Dapatkan berkenaan adalah hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal setelah menerima aduan daripada orang awam mengenai produk berkenaan.

Perkara berkenaan juga disahkan berdasarkan maklumat

yang diterima daripada syarikat pengeluar produk berkenaan, iaitu Perfetti Van Melle, melalui laman sesawang rasmi dan juga e-mel syarikat berkenaan.

Oleh itu, bagi menjaga kemaslahatan masyarakat Islam di negara ini, JHES, KHEU telah pun mengarahkan pemilik pasar raya yang terbabit untuk mengasingkan semua produk keluaran syarikat berkenaan dengan serta merta di tempat atau ruang 'Non Halal Section' yang tidak terdedah daripada penjualan awam.

Sebuah pengimport, pasar raya dan kedai di negara ini juga dinasihatkan supaya melakukan tindakan pengasingan dengan serta merta jika terdapat produk yang sama diedarkan dan dijual di

premis masing-masing.

Sehubungan dengan itu, KHEU juga ingin mengingatkan kepada pemilik, pengurus, pengusaha, peniaga, pembekal dan pengimpor produk di negara ini supaya sentiasa berwaspada dan lebih peka terhadap produk-produk import yang akan dijual kepada orang ramai di pasar raya atau kedai masing-masing dengan memastikan produk-produk yang halal tidak bercampur dengan produk yang tidak halal.

Ini juga demi menjaga maslahat masyarakat Islam di negara ini daripada terjebak mengambil dan memakan produk yang tidak halal diragui kehalalannya.

Di samping itu, KHEU mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada orang awam yang


memberikan maklumat berhubung perkara berkenaan dan bagi sesebuah yang ingin membuat aduan serta perkongsian maklumat mengenai penjualan produk-produk tidak halal secara terbuka di premis-premis

perniagaan bolehlah dibuat terus ke JHES melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal dengan menghubungi Talian Hotline +673 7166222 atau mana-mana pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal di setiap daerah.



ASSORTED Chewy Sweets jenama Fruit-tella mengandungi gelatin bersumberkan khinzir (*pork gelatine*).

## Kegiatan judi 4D terbongkar



PIHAK Pasukan Polis Diraja Brunei merampas beberapa keratan kertas yang tertulis nombor-nombor yang dipercayai digunakan untuk kegiatan perjudian 4D.

**■ Siaran Akbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**SERIA,** Rabu, 9 November. - Berikutnya perkongsian maklumat keanggotaan detektif, Ibu Pejabat Daerah Polis Belait, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah

berhasil menahan seorang individu (suspek) kerana disyaki terlibat dengan kegiatan mengutip nombor perjudian 4D Loteri, hari ini.

Semasa serbuan yang dijalankan bertempat di kawasan Jalan Raja Sari, Seria, Daerah Belait itu telah menahan seorang suspek penduduk tetap berumur 58 tahun kerana dipercayai ada terlibat menjalankan kegiatan mengutip slip taruhan perjudian 4D daripada pembeli-pembeli loteri di kawasan berkenaan.

Pihak PPDB juga telah merampas beberapa keratan kertas yang tertulis nombor-nombor yang dipercayai digunakan untuk kegiatan perjudian 4D.

Suspek berserta kesemua bahan bukti kemudiannya dibawa ke Ibu Pejabat Daerah Polis Belait bagi siasatan lanjut. Kes disiasat di bawah Seksyen 4 (C) Akta Rumah Judi Terbuka Penggal 28.

PPDB mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih di atas maklumat dengan kegiatan tersebut dan menyarankan kepada orang ramai untuk mengongsikan maklumat apa saja kegiatan-kegiatan yang mencurigakan kepada PPDB atau ke Talian Kecemasan Polis 993.

## Bantu kesan Anik Musafaah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 10 November. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam kenyataan yang dikeluarkan hari ini, satu laporan dibuat di Balai Polis Muara untuk mengesan seorang pekerja, dipercayai lari daripada majikan.

Butir-butir keterangan mengenai pekerja yang dimaksudkan adalah seorang pekerja perempuan, Anik Musafaah, berusia 40 tahun, dengan nombor pasport C8975241, warganegara Indonesia.

Sehubungan itu, PPDB memohon kerjasama dan bantuan orang ramai seperti yang tersebut di atas.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Muara menerusi talian +673 2770140 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau ke mana-mana Balai Polis berdekatan.



ANIK Musafaah, berusia 40 tahun, dengan nombor pasport C8975241, warganegara Indonesia, yang dilaporkan lari daripada majikan.

## Latihan Pengendalian Terperinci Punca Kejadian



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 9 November. - Kerjasama di antara Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Pasukan Polis Singapura diteruskan lagi dengan pengendalian satu siri latihan eksesais penyiasatan pasca letupan '5th Live Blast and Post Blast Investigation Training Exercise Solar Wind V Brunei Darussalam', yang bermula pada 7 hingga 9 November 2022.

Latihan yang dikendalikan ini berlangsung selama tiga hari dan merupakan Edisi Ke-5, ia diadakan sejak penubuhan latihan bersama

LATIHAN eksesais penyiasatan pasca letupan '5th Live Blast and Post Blast Investigation Training Exercise Solar Wind V Brunei Darussalam' yang dilaksanakan (kiri dan kanan).

sejak tahun 2014.

Pada tahun 2022 ini, sejumlah pegawai dan anggota dari PPDB dan Pasukan Polis Singapura telah terlibat ikut serta di mana latihan adalah menjurus kepada tatacara siasatan melibatkan kejadian ledakan bahan letupan dan pengendalian secara terperinci bagi mengetahui punca sebenar sesuatu kejadian.

Hadir bagi menyaksikan latihan eksesais ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin berserta Timbalan



**■ Siaran Akbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

Pesuruhjaya Polis (Siasatan dan Perisikan) dan juga selaku Pengarah Siasatan Jenayah Pasukan Polis Singapura, DC How Kwang Hwee yang dikendalikan di kawasan Padang Tembak Binturan, Tutong.

Turut hadir semasa eksesais tersebut ialah Penolong Pesuruhjaya Polis (ACP) Haji Azree bin Haji Manaf selaku Pengarah Siasatan Jenayah, PPDB beserta pegawai-pegawai

kanan dan keanggotaan daripada PPDB serta daripada Pasukan Polis Singapura.

PPDB mengucapkan penghargaan kepada Pasukan Polis Singapura atas sokongan berterusan yang diberikan selama ini dengan jalinan kerjasama yang kukuh dalam meningkatkan keupayaan, menajamkan kemahiran penyiasatan serta memperkuat hubungan di antara kedua-dua pasukan polis.



# Hadeeqah Ar-Rayhaan, taman berbentuk ilmiyyah

Rencana dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**K**EPERLUAN untuk menjaga persekitaran yang sihat dan alam semula jadi yang lestari adalah di antara perkara yang dianjurkan oleh agama Islam, di mana kita dapat meneruskan kehidupan melaluiinya.

Di dalam Surah Al-Baqarah, ayat 22, tafsirnya : "(Dialah Tuhan) yang menjadikan bumi sebagai hamparan bagimu dan langit sebagai atap, dan Dialah yang menurunkan air (hujan) dari langit, lalu Dia hasilkan dengan (hujan) itu buah-buahan sebagai rezeki untukmu. Kerana itu janganlah kamu mengadakan tandingan-tandingan bagi Allah, padahal kamu mengetahui".

## Pendahuluan

Bagi mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu Rakyat yang berpendidikan tinggi, Berkemahiran dan berjaya, Rakyat yang mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi dan ekonomi negara yang dinamik dan berdaya tahan, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAH) membuat inisiatif untuk mengenalkan beberapa kemahiran kepada pelajar di samping pembelajaran secara formal.

Dalam hubungan ini, 'World Nature Conservation Day' merupakan sambutan bagi memperingati keprihatinan orang ramai terhadap keperluan menjaga persekitaran

yang sihat dan alam semula jadi yang menjadi sumber kepada kehidupan. Objektif 'World Nature Conservation Day' adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai pemeliharaan alam semula jadi dan biodiversiti untuk persekitaran yang sihat yang diperlukan untuk kehidupan manusia yang stabil dan sejahtera.

Bersempena dengan sambutan ini, SUAMPRIPAH mengendalikan inisiatif aktiviti penanaman pokok di kawasan tepi bangunan sekolah dan pentadbiran SUAMPRIPAH dan membuat taman berbentuk ilmiyyah. Taman yang diberikan nama 'Hadeeqah Ar-Rayhaan' ini merupakan hasil kerjasama oleh warga sekolah yang terdiri dari guru-guru, kakitangan dan pelajar SUAMPRIPAH. Pelancaran taman ini dirasmikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang pada 27 Ogos 2022 yang lalu.

Dengan adanya taman ini diharapkan agar dapat membuka ruang dan peluang kepada warga sekolah untuk mengenali, menghargai tumbuh-tumbuhan dan mempelajari serta menghayati alam semula jadi, di samping boleh digunakan sebagai bahan sumber pembelajaran mereka.

Inisiatif ini juga untuk membekalkan beberapa ilmu kemahiran kepada pelajar antaranya kemahiran bercucuk tanam dan

asas jual beli. Adalah diharapkan apabila mereka yang sudah meninggalkan sekolah nanti, bidang-bidang kemahiran ini boleh menjadi antara penyumbang dan pilihan pelajar di dalam menghadapi arus kehidupan dengan beberapa cabaran seperti masa dan cuaca. Selain itu, taman ini juga diharap dapat merangsang para pelajar untuk lebih mengenal spesies tanam-tanaman sekali gus memberikan impak positif dalam pembelajaran pelajar di dalam mahupun di luar sekolah.

## Jenis-jenis tanaman

Jenis-jenis tanaman yang ditanam di 'Hadeeqah Ar-Rayhaan' ialah sayur *Lettuce* secara hidroponik; tanaman herba seperti Misai Kucing, Pecah Beling, Sirih, Pandan, Daun Kari, Lengkuas, Daun Kaduk, Daun Bawang, Kunyit dan lain-lain lagi; tanaman buah seperti Longan, Durian Salat, Mangga, Rambutan, Papaya, Buah Naga, Kedundong, Biabas, Belimbing Madu, Jambu Air dan *Mulberries*. Tanaman fertigasi, seperti Timun, Terong dan Kacang Panjang. Selain itu juga terdapat tempat untuk memelihara kelulut spesies *Heterotrigona itama*.

## Objektif

Antara objektif aktiviti tersebut adalah untuk menerapkan pengetahuan warga sekolah mengenai pelbagai spesies tanaman khususnya tanaman herba dan manfaat kegunaannya; dapat mengaplikasikan dalam

pengajaran dan pembelajaran, khususnya bagi mata pelajaran Science.

Selain itu, mewujudkan landskap yang indah, kondusif dan harmonis yang sesuai dengan amalan hidup lestari; meningkatkan integriti dan komitmen warga sekolah mengenai pentingnya pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar; mengenalkan beberapa inisiatif untuk mendapatkan hasil secara mudah dan bersistem dan Menambah pengetahuan pelajar dalam membina kemahiran diri dan potensi yang ada.

## Penutup

Semoga dengan adanya inisiatif-inisiatif ini, akan mendatangkan banyak manfaat kepada semua warga sekolah dan akan dapat memberikan peluang kepada warga sekolah untuk melibatkan diri secara aktif dan mengadaptasi serta mengimplementasi ilmu dan kemahiran baru, di samping mengamalkan kerja berpasukan. Semoga dengan adanya kepelbagaiannya akan membantu pihak sekolah untuk melahirkan pelajar yang berpencapaian cemerlang dan berkompetensi sebagaimana yang diharapkan bagi mendukung dan mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Semoga taman ini akan betul-betul dapat mendatangkan manfaat dan sebagai pencetus semangat serta tempat relaksasi atau istirahat kepada warga SUAMPRIPAH sebagaimana yang diharapkan.



# 9 KOMPAUN, 6 NOTIS AMARAN DIKELUARKAN LANGGAR AKTA KAWALAN HARGA

Siaran Akbar dan Foto :  
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN,  
Rabu, 9 November. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan

Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan sembilan kompaun



dan enam notis amaran kepada beberapa syarikat perniagaan kerana melanggar Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-peraturan di bawahnya.

Hasil daripada penguatkuasaan rutin harian JPES melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna mendapati beberapa buah syarikat melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142, iaitu menjual barang yang dikawal harga seperti minyak masak dan susu tepung formula anak damit serta barang bersubsidi, iaitu beras pulut; melebihi harga maksimum yang ditetapkan; tidak memaparkan tanda harga bagi sebahagian barang yang dijual di dalam premis perniagaan; dan memaparkan tanda harga yang mengelirukan dan tidak selaras dengan harga yang tercatat di dalam sistem pembayaran.

Tindakan kompaun seperti berikut telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat berkenaan berpandukan kepada kekerapan dan jenis kesalahan yang dibuat.

Usaha Tasbih Mini Mart (Telisai, Tutong) dikompaun sejumlah BND1,000; Al-Mugraith (Mentiri) dikompaun sejumlah BND700; Sifana Sdn. Bhd. (Manggis Satu) dikompaun sejumlah BND700; Shafra Trading (Bandar Seri Begawan) dikompaun sejumlah BND500; Noorفاتحة (Mentiri) dikompaun sejumlah BND500; Fairodin Sdn. Bhd. (Jalan

ANTARA kesalahan tidak memaparkan tanda harga bagi sebahagian barang yang dijual di dalam premis perniagaan (kiri atas dan kiri).



PENGUAT KUASA Jabatan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi ketika membuat pemeriksaan.

Pandan, Belait) dikenakan dengan dua kompaun berjumlah BND500 bagi kesalahan yang berbeza; Salina's Mart (Telanai) dikompaun sejumlah BND500 dan Pertama Department Store (Kampung Lambak) dikompaun sejumlah BND500.

Tiga minggu terakhir bulan Oktober 2022 telah merekodkan pengeluaran enam notis amaran kepada enam buah syarikat perniagaan atas pelbagai kesalahan tertentu, iaitu menjual melebihi harga maksimum bagi minyak masak dan susu tepung anak damit; tidak memaparkan tanda harga pada sebahagian barang yang dijual; dan memaparkan tanda harga yang mengelirukan dan tidak selaras dengan harga yang tercatat di dalam sistem pembayaran.

Sebahagian daripada tindakan pengeluaran kompaun dan notis

amaran berkenaan adalah hasil maklumat daripada aduan orang ramai yang diterima oleh JPES secara rasmi termasuk melalui aplikasi mudah alih 'PenggunaBijak', Hotline Talian Darussalam 123 dan e-mel [aduanpengguna@jpes.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpes.gov.bn).

Sehubungan itu, JPES mengalu-alukan bagi sebarang aduan untuk disalurkan melalui kaedah yang betul dan saluran rasmi dengan disertakan bersama dokumen sokongan seperti resit pembayaran dan gambar sebagai bukti, bagi membantu melancarkan sebarang tindakan susulan yang akan dibuat.

Maklumat lanjut mengenai Akta Kawalan Harga, Penggal 142 boleh diperolehi melalui aplikasi mudah alih 'PenggunaBijak' yang boleh dimuat turun melalui platform App Store dan Google Play atau laman sesawang JPES di [www.jpes.gov.bn](http://www.jpes.gov.bn).

## Warga asing dihukum 20 bulan penjara

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 November. - Seorang wanita warganegara Thailand, dijatuhan hukuman 20 bulan penjara bermula 8 November 2022 di Mahkamah Majistret, hari ini.

Majistret Kanan, Hajah Azrimah binti Haji Abdul Rahman menjatuhkan hukuman berkenaan ke atas Kanakkon Thamklang di bawah Seksyen

36, Akta Imigresen, Penggal 17.

Kanakkon Thamklang, berusia 44 tahun, didakwa melakukan satu pertuduhan kerana masuk semula ke negara ini setelah sah diusir.

Pada 6 November 2022, kira-kira jam 9.00 malam, defendant ditahan oleh Pegawai Imigresen di kaunter berlepas di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) kerana disyaki memalsukan setem pengesahan

Imigresen. Defendant kemudiannya diserahkan ke Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) untuk siasatan lanjut.

Dalam rekod, ini merupakan kesalahan ketiga defendant di bawah Akta Imigresen.

Pendakwaan dijalankan oleh pihak Pendakwa Raya di JIPK, Adi Yusra bin Haji Adnan.



## Tinggal lebih masa : Dipenjara, sebat

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 November. - Akibat tinggal lebih masa, seorang lelaki, warganegara Filipina, dijatuhan hukuman tiga bulan penjara dan tiga kali sebatan, di bawah Seksyen 15 (1) Akta Imigresen, Penggal 17.

Hukuman ke atas, Arnel Aloso Saludar berkuat kuasa mulai 5 November 2022 diputuskan oleh Majistret Kanan Harnita Zelda Skinner, di Mahkamah Majistret, di sini.

Arnel Aloso Saludar, berusia 40 tahun, didakwa atas satu

pertuduhan kerana tinggal lebih masa di Negara Brunei Darussalam (NBD) tanpa alasan yang munasabah setelah Pas Imigresen mansuh selama tempoh 607 hari.

Pada 5 November 2022, kira-kira jam 9.08 malam, defendant ditahan ketika melapor diri ke Pegawai Imigresen, di kaunter berlepas di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) sebelum penerbangannya pulang ke Manila.

Siasatan awal juga mendapati,

bawanya defendant adalah pekerja yang dilaporkan lari daripada majikan dalam senarai sistem imigresen.

Defendant kemudian ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) untuk siasatan lanjut.

Dalam siasatan juga mendapati, defendant kali terakhir memasuki ke negara ini pada 19 Ogos 2019 melalui LTAB dan diberikan pas pekerja, di bawah tajaan Sail & Grill

Restaurant & Catering sebagai pembantu dapur (*kitchen helper*).

Malah, siasatan itu juga mendedahkan di mana pas pekerja defendant kali terakhir diganjakkan pada 4 Februari 2020 dan tempohnya berakhir pada 21 Julai 2021.

Walau bagaimanapun, ia telah dibatalkan oleh majikannya pada 3 Mac 2021 dan defendant hendaklah keluar meninggalkan NBD tidak lewat dari 8 Mac 2021.

Pasport defendant apabila

disiasat juga mendapat pengesahan pas pekerja selepas pas pekerja kali terakhir dibatalkan, di mana siasatan mendedahkan bahawa tidak ada pas pekerja yang diganjakkan dalam rekod defendant selepas 8 Mac 2021, bahkan pengesahan berkenaan juga bukan dari JIPK.

Dalam rekod, ini merupakan kesalahan pertama defendant, di bawah Akta Imigresen.

Pendakwaan dijalankan oleh pihak Pendakwa Raya di JIPK, Mohd. Zul Azri bin Haji Ranee.

# ASEAN BERJAYA ATASI KEBANYAKAN ANCAMAN COVID-19 -- PM KEMBOJA

**BANGKOK,** 11 Nov. - Negara-negara anggota ASEAN telah berjaya mengatasi sebahagian besar ancaman COVID-19 dan meneruskan aktiviti sosio-ekonomi dalam tempoh tiga tahun sejak pandemik global COVID-19 melanda dunia.

Pengerusi ASEAN yang juga Perdana Menteri Kemboja Samdech Techo Hun Sen berkata berdasarkan unjuran Pejabat Penyelidikan Makroekonomi ASEAN+3 Oktober lalu, setiap negara anggota ASEAN dijangka mencatat kadar pertumbuhan ekonomi yang positif.

"Dengan ketabahan dan usaha yang kuat, negara-negara anggota secara individu dan ASEAN secara keseluruhan telah berjaya mengatasi ancaman global ini."

"Rantau ASEAN secara keseluruhan dijangka mencapai kadar pertumbuhan 5.3 peratus dan 4.9 peratus masing-masing pada 2022 dan 2023, angka yang mengagumkan berbanding bahagian lain di dunia," katanya pada majlis perasmian Sidang

Kemuncak ASEAN ke-40 dan ke-41 dan Sidang Kemuncak Berkaitan di Phnom Penh, Kemboja pada Jumaat.

Berikutnya prospek pertumbuhan yang positif, Hun Sen menggesa negara anggota ASEAN untuk terus berwaspada kerana keadaan sosio-ekonomi semasa di rantau ini serta di seluruh dunia masih rapuh dan berpecah.

"Kita kini berada di persimpangan yang tidak menentu; kehidupan berjuta-juta rakyat di rantau ini bergantung pada kebijaksanaan serta pandangan jauh kita, keputusan dan dasar yang betul termasuk pendekatan realistik untuk menangani cabaran strategik yang kita semua hadapi," katanya.

Beliau menambah blok itu telah mengadakan Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN, Menteri Komuniti Sosio Budaya, Menteri Ekonomi, Menteri Pertahanan dan Mesyuarat Menteri lain dengan memuktamadkan keputusan yang memuaskan sambil menzhirkan perpaduan ke-

arah multilateralisme, kematangan dalam diplomasi, keazaman untuk keamanan, kestabilan dan nilai kemanusiaan untuk semua.

"Saya percaya semangat kerjasama dan sumbangan konstruktif yang ditunjukkan setakat ini akan kekal sepanjang perbincangan kami untuk empat hari akan datang," katanya.

Pemimpin dan wakil ASEAN berkumpul di Phnom Penh bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN ke-40 dan ke-41 serta Sidang Kemuncak Berkaitan.

Tema Sidang Kemuncak ASEAN dan Sidang Kemuncak Berkaitan tahun ini adalah "ASEAN ACT: Addressing Challenges Together".

Sempena penubuhan ASEAN ke-55, blok itu akan mengeluarkan Kenyataan Pemimpin ASEAN sempena Ulang Tahun ke-55 ASEAN, termasuk dua yang lain - Penyata Wawasan Pemimpin ASEAN mengenai ASEAN A.C.T.: Menangani Cabaran Bersama dan Kenyataan Pemimpin ASEAN terhadap Kesalinghubungan ASEAN Agenda Pasca-2025 yang

akan diterima pakai lewat hari ini.

Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Azhar Azizan Harun, atas kapasitinya sebagai Wakil Khas kepada perdana menteri,

mengetuai delegasi Malaysia ke sidang kemuncak itu. - ©BERNAMA

## Sanders dari Republican jadi gabenor wanita pertama Arkansas

**ISTANBUL,** 9 Nov. - Calon Republican Sarah Huckabee Sanders yang berkhidmat sebagai setiausaha akhbar Rumah Putih ketika pentadbiran Trump memenangi pemilihan gabenor di Arkansas pada Selasa.

Sanders mengalahkan Chris Jones dari Demokrat yang merupakan seorang jurutera nuklear, sekali gus menjadi gabenor wanita pertama di negeri itu, lapor Agensi Anadolu memetik Associated Press. Beliau akan menggantikan Gabenor Republikan Asa Hutchinson.

Berjuta-juta rakyat Amerika akan menunaikan tanggungjawab dalam pilihan raya separuh penggal negara itu pada Selasa, dengan 35 kerusi Senat serta semua 435 kerusi Dewan Perwakilan dipertandingkan.

Kebanyakan penganalisis meramalkan bahawa Republikan akan menguasai Dewan Perwakilan, tetapi Senat kekal menjadi topik spekulasi hangat. - ©BERNAMA

## China aktif cari langkah penyesuaian perubahan iklim

**BEIJING,** 11 Nov. - China giat menggalakkan penyesuaian sektor domestik terhadap perubahan iklim di samping aktif menjalankan kerjasama antarabangsa untuk menjayakan usaha berkenaan.

Ketua Delegasi China bagi Rundingan Perubahan Iklim, Zhao Yingmin berkata demikian ketika berucap merasmikan Sidang Strategi dan Tindakan Penyesuaian Perubahan Iklim China sempena Sidang Kemuncak Pelaksanaan Iklim sesi ke-27 (COP27) untuk Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) di Sharm el-Sheikh pada Khamis.

Zhao, yang juga Timbalan Menteri Ekologi dan Alam Sekitar China berkata bahawa China turut menghulurkan bantuan dan sokongan kepada beberapa negara kurang maju.

"Bagaimanapun, isu penyesuaian dan pembiayaan, teknologi, serta pembinaan keupayaan menjadi keimbangan utama dalam kalangan negara membangun susulan perkembangan kemajuan yang perlahan."

"Malah, janji negara maju untuk menyalurkan sokongan sebanyak US\$100 bilion berhubung kewangan iklim kepada negara membangun setiap tahun masih belum ditunaikan," kata Zhao.

Beliau berkata negara-negara maju diseru untuk memikul tanggungjawab dan kewajipan mereka, meningkatkan sokongan kewangan untuk tindakan penyesuaian bagi negara membangun, dan mengajukan pelan tindakan bagi menggandakan dana penyesuaian.

Sementara itu, tindakan China yang mengeluarkan Strategi Negara bagi Penyesuaian Perubahan Iklim 2035 turut mendapat pujian Penasihat Khas Setiausaha Agung PBB bagi Tindakan Iklim, Selwin Hart.

Strategi berkenaan adalah sangat kritis dan penting yang bukan sahaja baik untuk China, bahkan seluruh dunia, katanya.

"Ia antara langkah positif menuju ke arah matlamat membina skala kerjasama dan perpaduan antarabangsa untuk menangani krisis iklim dengan berkesan," kata Hart. - ©BERNAMA

"mendapatkan balik" kerugian yang dialaminya selepas terpaksa membeli Twitter membabitkan sejumlah AS\$44 bilion walaupun beliau mahu menarik diri daripada perjanjian pembelian itu, menurut laporan.

Dalam e-mel pertamanya kepada kakitangan awal Khamis, Musk berkata kerja dari luar pejabat

akan berakhir dan meminta pekerja supaya bersedia untuk berhadapan "masa sukar" berikutkan kelembapan ekonomi.

Minggu lepas Musk mengumumkan pemberhentikan separuh daripada tenaga kerja dengan alasan syarikat itu kerugian AS\$4 juta setiap hari. - ©BERNAMA

## Perancis mulakan respons kecemasan tangani epidemik bronkiolitis dalam kalangan kanak-kanak

**ANKARA,** 11 Nov. - Beberapa eksekutif tertinggi meletak jawatan daripada Twitter di tengah-tengah potensi risiko yang berpuncak daripada pengambilalihan syarikat media sosial itu oleh jutawan Elon Musk, yang melaksanakan dasar baru, kata bekas pekerja pada Khamis.

"Saya membuat keputusan yang sukar untuk meninggalkan Twitter," kata ketua pegawai keselamatan

maklumat Lea Kissner pada Khamis menerusi akaun perbadinya.

"Saya berpeluang untuk bekerja dengan orang yang hebat dan saya sangat berbangga dengan privasi, keselamatan dan pasukan IT serta kerja yang telah kami lakukan," katanya yang dipetik Anadolu Agency.

Kissner meletak jawatan pada Rabu selepas beberapa eksekutif tertinggi syarikat itu, termasuk ketua pegawai privasi dan ketua

pegawai pematuhan, menurut laporan yang menyebut beberapa pekerja di unit privasi dan keselamatan syarikat itu juga telah meletak jawatan.

Beberapa pekerja turut meletak

jawatan kerana bimbang mengenai

potensi pendedahan terhadap

undang-undang firma itu kepada

Suruhanjaya Perdagangan

Persekutuan (FTC) selepas

pengambilalihan Musk dan

kegawatan kewangan yang

mungkin dihadapi Twitter.

Ia juga melaporkan bahawa

seorang pekerja, dalam mesej

dalam, menulis bahawa

keutamaan Musk adalah

dalam perkhidmatan pediatrik

yang telah dibanjiri kemasukan

pesakit.

Menurut Agensi Kesihatan Awam Perancis, negara itu belum pernah mencatat jumlah kemasukan ke hospital berkaitan bronkiolitis dan ketibaan pesakit yang begitu ramai di wad penjagaan kecemasan sejak lebih 10 tahun.

Daripada 6,891 kanak-kanak di bawah umur dua tahun yang diantar ke wad jagaan kecemasan, 6,326 atau 92 peratus berumur di bawah umur satu tahun dengan 2,337 atau 34 peratus daripadanya dimasukkan ke wad, kata agensi itu. Ia juga melaporkan bahawa kawasan utara paling teruk terjejas dengan

wabak bronkiolitis.

Agensi itu berkata ia akan meneruskan pemantauan ke atas kes bronkiolitis dalam kalangan kanak-kanak di bawah umur dua tahun. Bronkiolitis adalah jangkitan paru-paru yang biasa berlaku pada kanak-kanak kecil dan bayi akibat keradangan dan kesesakan pada saluran udara kecil paru-paru yang menyebabkan batuk dan kesukaran bernafas. - ©BERNAMA

**PARIS,** 10 Nov. - Menteri Kesihatan Perancis Francois Braun pada Rabu menggerakkan pelan tindak balas kecemasan nasional untuk membantu hospital menangani jangkitan bronkiolitis yang melambung tinggi di kalangan kanak-kanak.

"Saya memutuskan pagi ini, sebagai tambahan kepada semua



**SUKAN** sepak takraw merupakan salah satu sukan tradisi yang pada dulunya tumbuh dalam lingkungan kehidupan masyarakat sama ada di mukim-mukim mahupun di kampung-kampung.

Sehubungan dengan arus kemajuan, sukan yang berasal dari kampung tersebut kini telah dimainkan di peringkat negeri, serantau malah ke peringkat dunia.

Sepak takraw merupakan sejenis permainan yang dimainkan oleh dua pasukan atau regu yang masing-masing dianggotai oleh tiga orang pemain.

Sukan ini dilengkapi dengan jaring yang dipasang di tengah-tengah gelanggang yang memisahkan di antara kedua-dua pasukan.

Jika dulu sukan ini dipelopori oleh golongan lelaki tetapi kini ia juga dimainkan oleh kaum perempuan.

Permainan sepak takraw yang ada sekarang merupakan pengubahsuai permainan sepak raga dan badminton.

Sepak takraw pada awalnya merupakan permainan menimang bola takraw dalam bulatan dengan menggunakan kaki atau kepala dan telah dimainkan semenjak dulu lagi.

Di beberapa negara seperti Malaysia permainan ini disebut 'sepak raga', di Filipina 'sipa', di Myanmar 'chinlone', di Laos 'kator', dan di Thailand 'takraw'.

Pada tahun 1940-an permainan ini telah dimainkan dengan menggunakan jaring dan mengikut sistem kiraan mata seperti badminton. Undang-undang dan peraturan awal permainan sepak raga jaring telah digubal dan disusun secara bertulis pada 15 April 1960 di Kuala Lumpur.

Sepak takraw mula dipertandingkan buat pertama kalinya di peringkat antarabangsa pada tahun 1965 di Sukan SEAP di Malaysia.

Sebelum Jawatankuasa Pengelola Sukan SEAP menerima sukan ini, perbincangan yang hangat telah berlaku antara wakil Malaysia dan Singapura dengan wakil-wakil dari Negara Thai dan Burma bagi membincangkan mengenai nama permainan ini. Akhirnya atas dasar bertolak ansur, Jawatankuasa Pengelola Sukan SEAP telah memutuskan bahawa permainan ini hendaklah dinamakan permainan Sepak Takraw, iaitu gabungan perkataan 'sepak' dan 'takraw' menjadi satu perkataan.

Bola takraw pada asalnya diperbuat daripada rotan dan kini telah digantikan dengan penggunaan bola sintetik, manakala



**FOKUS**  **UKAM** 

## Tingkatkan kualiti sepak takraw - Agenda utama PESTABARU

bilangan pemain adalah seramai tiga orang setiap regu iaitu seorang pemain berada di belakang dinamakan tekong dan dua orang lagi berada di hadapan di sebelah kiri (apit kiri) dan seorang di sebelah kanan (apit kanan).

Ukuran bagi gelanggang sepak takraw adalah 13.4m x 6.1m dan bebas dari sebarang halangan, manakala ukuran tiang mestilah mempunyai ketinggian 1.55m (1.45m untuk wanita) dari permukaan gelanggang dan hendaklah teguh untuk mengekalkan ketegangan jaring.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), sukan ini merupakan salah satu sukan yang diminati dan digemari sebagaimana sukan-sukan yang lain.

Pencapaian negara dalam kejohanan serantau mahupun antarabangsa telah membawa hasil yang sangat baik namun pada akhir-akhir ini pencapaian tersebut sangat berkurangan memandangkan kurangnya penyertaan negara ke mana-mana pertandingan yang disebabkan oleh beberapa faktor termasuk penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia di mana beberapa pertandingan terpaksa dibatalkan.

Selain Jabatan Belia dan Sukan yang menerusi perkembangan dan kemajuan sukan ini, Persatuan Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam (PESTABARU) juga memainkan peranan penting serta bertanggungjawab dalam memajukan serta mengembangkan sukan berkenaan terutama dalam melahirkan atlet-atlet yang berbakat, di samping melahirkan pasukan kebangsaan yang berpotensi.

Persatuan ini juga giat mengadakan berbagai penganjuran dan perlawanan selain mesyuarat serta membincangkan kejohanan-kejohanan yang dirancang sama

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
Foto : Jabatan Penerangan

ada yang akan diadakan di dalam dan luar negara.

PESTABARU diterajui oleh Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas selaku Yang Di-Pertua.

PESTABARU ditubuhkan pada 1 September 1970. Antara kejayaan dan telah melakar antaranya semasa penyertaan di Sukan Asia 1998 di Thailand dengan meraih pingat gangsa; Sukan SEA 1999 di NBD meraih pingat gangsa; Sukan SEA di Myanmar pada tahun 2013 meraih pingat gangsa dan meraih pingat gangsa di Sukan SEA Singapura 2015.

Pada temasya Sukan SEA yang berlangsung di Kuala Lumpur 2017, skuad negara di bawah bimbingan Awang Jafar bin Mohd. Wali, telah berjaya memperolehi tiga pingat gangsa menerusi acara regu, regu berpasukan dan 'chinlone'.

Sementara penyertaan skuad negara di Kejohanan Sukan Takraw Pantai di Republik Indonesia pada tahun 2008 dan pada tahun 2010 di Oman telah meraih pingat gangsa, manakala pada tahun 2014 di Phuket, Thailand telah meraih pingat emas.

Menurut Naib Yang Di-Pertua PESTABARU, Awang Haji Mohd. Noor bin Haji Abd. Hamid, usaha untuk meningkatkan mutu permainan sepak takraw sememangnya menjadi agenda utama mereka khususnya bagi menampilkan pemain-pemain muda yang berbakat.

Katanya, pada masa ini PESTABARU sedang giat untuk menganjurkan liga kebangsaan yang beberapa tahun ini tidak dapat dianjurkan disebabkan pandemik.

Pada kejohanan kali ini, sebanyak 21 buah pasukan telah menyenaraikan untuk menyertainya namun terbantut kerana kurangnya gelanggang perlawanan dan usaha-usaha untuk mencari tempat sedang diusahakan.

Untuk rancangan ke hadapan, PESTABARU, katanya akan merancang untuk mengadakan liga sepak takraw kebangsaan sebagai rancangan jangka panjang yang menjurus untuk meningkatkan kualiti sepak takraw negara.



ePaper Pelita Brunei



# GAYA HIDUP SIHAT MELALUI AKTIVITI FIZIKAL

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



ANTARA acara yang dipertandingkan pada Festival Kids Athletics Sekolah-sekolah Rendah Tahun 2022.

**TUTONG**, Rabu, 9 November. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum mengadakan Festival Kids Athletics Sekolah-sekolah Rendah Tahun 2022.

Festival ini berlangsung selama tiga hari secara berasingan iaitu pada 5 dan 7 November 2022 di Kompleks Sukan Berakas dan pada hari ini, ia diadakan di Kompleks Sukan Tutong, di sini.

Seramai 540 murid dari 57 buah sekolah rendah di seluruh negara menyertai festival tersebut.

Festival bertujuan untuk memperkenalkan aktiviti sukan yang sesuai dengan keperluan fizikal dan pertumbuhan serta perkembangan kanak-kanak, di samping mempromosikan gaya hidup yang seimbang dan sihat serta mengalakkan aspek keseronokan di dalam permainan.

Dalam pada itu, sebanyak enam bidang olahraga dipertandingkan yang dipanggil 'A Team Event for Children', iaitu melalui tiga kumpulan acara, iaitu 'Sprinting, Running Event Group, Jumping Event Group' dan 'Throwing Event Group'.

## Piala AFF 2022: FAM harap pasukan lepas pemain

**PENDANG**, 11 Nov. - Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) berharap pasukan bola sepak dapat melepaskan pemain yang dipilih pengendali skuad kebangsaan Kim Pan Gon untuk menyertai cabaran negara dalam saingan Piala Persekutuan Bolasepak ASEAN (AFF) 2022 bermula 20 Dis depan.

Timbalan Presiden FAM Datuk Mohd Yusoff Mahadi berkata pelepasan pemain pastinya dapat membantu memudahkan Pan Gon membentuk dan mempersiapkan barisan pemain bagi cabaran berkenaan.

"Walaupun kejohanan itu tiada dalam kalender Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA), tindakan pasukan melepaskan pemain mereka dapat membantu ketua jurulatih membuat perancangan rapi untuk Piala AFF," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Hari Bola Sepak Suparimau FAM

yang turut dihadiri Pan Gon dan pembantunya, Pau Marti Vicente di Stadium Mini Pendang di sini hari ini.

Mengenai pemilihan pemain, Mohd Yusoff berkata semuanya terpulang kepada Pan Gon untuk membuat penilaian dan perancangan yang dirasakan bersesuaian dengan sasaran FAM bagi kejohanan itu.

Sementara itu, ditanya mengenai calon pengganti bekas jurulatih kecergasan pasukan kebangsaan, Dr Gokhan Kandemir yang melepaskan jawatannya bulan lepas, Mohd Yusoff berkata ia juga terpulang kepada Pan Gon.

"FAM serahkan kepada dia (Pan Gon) untuk buat pilihan supaya calon yang dipilih itu senang untuk bekerja bersamanya. Dia akan bawa calon itu berjumpa kita sebelum ia dimuktamadkan dan dipersetujui seluruh kepimpinan FAM," katanya. - ©BERNAMA

## Speedy Tigers bakal terima habuan – KHM

**KUALA LUMPUR**, 11 Nov. - Skuad hoki kebangsaan bakal menerima ganjaran susulan kejayaan cemerlang dan bersejarah menjulang Piala Sultan Azlan Shah buat kali pertama sekali gus menamatkan penantian 39 tahun bergelar juara, semalam.

Presiden Konfederasi Hoki Malaysia (KHM) Datuk Seri Subahan Kamal yang berbangga dengan pencapaian skuad kendalian A. Arul Selvaraj itu berkata ganjaran akan diberikan tetapi perkara itu perlu dibentangkan kepada Lembaga Eksekutif terlebih dahulu.

"Ganjaran itu ada, hanya saya perlu lontarkan idea kepada barisan Lembaga Eksekutif. Saya tidak boleh buat keputusan sendiri.

"Apabila semua jawatankuasa bersetuju, kita akan buat majlis untuk meraikan kemenangan mereka (pasukan hoki negara)," katanya dalam sidang media bersama Presiden Persekutuan Hoki Antarabangsa (FIH) yang baharu dipilih Tayyab Ikrar di sini hari ini.

Pada aksi final penuh mendebarkan di Stadium Hoki Sultan Azlan Shah di Ipoh, Perak semalam, Malaysia menewaskan penyandang juara Korea Selatan 3-2 untuk merangkul kejuaraan yang dinanti-nantikan sejak edisi sulung pada 1983.

Pencapaian terbaik Malaysia sejak kali pertama kejohanan ini dianjurkan adalah menduduki tempat kedua sebanyak lima kali iaitu pada edisi 1985, 2007, 2009, 2013 dan 2014.

Kejayaan itu juga membala dendam atas kekalahan 1-2 kepada Korea Selatan yang mengecewakan impian Malaysia merangkul Piala Asia di Jakarta, Mei lepas.

Dalam pada itu, Subahan meminta Arul Selvaraj untuk berjumpa dengannya sendiri berhubung laporan yang mengatakan jurulatih itu memerlukan kakitangan tambahan bagi membantunya memajukan lagi skuad kebangsaan.

"Biar dia tanya saya sendiri (jika dia perlu) setakat ini saya dah bagi dua (kakitangan), seorang dari Afrika Selatan dan seorang lagi dari England...kalau nak lebih boleh tetapi minta dekat saya, jika praktikal saya bagi," katanya.

Sementara itu, Subahan berkata di bawah kepimpinan Tayyab, beliau percaya banyak perubahan boleh dilakukan demi kemajuan sukan hoki bukan sahaja di Asia tetapi secara keseluruhan.

Pada masa sama, Tayyib berkata: "Ketika ini, say sedang mencari negara di mana kita boleh mengadakan kejohanan berprestij dan Malaysia adalah antara pesaing utama yang boleh kita adakan lebih banyak kejohanan antarabangsa." - ©BERNAMA

## Tahukah Awda

**P**ADA tahun 1921 sebuah Lembaga Kebersihan (Sanitary Board) untuk menjaga kebersihan dan memberi perkhidmatan kepada kawasan perbandaran telah ditubuhkan. Lembaga Kebersihan ditukar nama kepada Lembaga Bandaran pada tahun 1953. Sebelum tahun 1953, Lembaga Kebersihan dan Lembaga Bandaran dipengerusikan oleh Residen British dan penolongnya. Bermula tahun 1959, Pegawai Daerah Brunei dan Muara menjadi Ketua Jabatan mempengerusikan Lembaga Bandaran. Pada tahun 1972, Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan dijadikan satu jabatan tersendiri yang diketuai oleh Pengurus Lembaga Bandaran.

**SUMBER :** Buku Kenang-Kenangan Sempena Memperingati 100 Tahun (1906-2006) Pembangunan Bandar di Darat

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

AMALKAN BUDAYA TEGUR-MENEGUR, NASIHAT-MENASIHATI DALAM MENJAGA KEBERSIHAN